



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN N
Eight Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I Bil. 11 Hari Isnin 25hb Februari, 1991

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 1991	(Ruangan 32)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 125)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 25hb Februari 1991**Mesyuarat dimaklumkan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]****JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****AKHBAR-AKBAR NYAMUK - KAWALAN**

1. Dr. Nordin Selat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah pengawalan dilakukan terhadap "akhbar-akhbar nyamuk". Adakah apa-apa tindakan yang telah diambil.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri mempunyai dasar yang jelas bagi mengawal semua akhbar-akhbar dan lain-lain penerbitan tidak kira bentuk atau jenis dan haluan mereka. Pengawalan ini bermula dari peringkat setiap keluaran akhbar-akhbar diteliti dan, jika terdapat bahan-bahan atau berita-berita yang boleh menjejaskan ketenteraman awam atau moral, tindakan akan diambil terhadap penerbit-penerbit berkenaan.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini adalah seperti berikut:-

- (i) Memberi nasihat, teguran dan amaran;
- (ii) Menggantungkan atau membatalkan permit penerbitan akhbar berkenaan mengikut undang-undang;
- (iii) Menolak permohonan permit penerbitan akhbar berkenaan; dan
- (iv) Mengambil tindakan undang-undang di bawah Seksyen 4(1)(b) terhadap pencetak atau mendakwa penerbit akhbar berkenaan di bawah Seksyen 8A(1), jika laporan di dalam akhbar berkenaan menyiarkan berita palsu dengan niat yang jahat.

KABINET BARU - RATIONALE PERUBAHAN KEMENTERIAN

2. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Perdana Menteri menyatakan dalam Kabinet yang baru ditubuhkan selepas Pilihanraya Umum yang lalu terdapat beberapa perubahan dan tambahan Kementerian-kementerian. Apakah rationale dalam tindakan ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, perubahan atau tambahan Kementerian-kementerian dibuat dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan tidak semestinya selepas sesuatu Pilihanraya Umum selesai dijalankan. Perubahan-perubahan yang dibuat itu bertujuan untuk memperkemas lagi jentera pentadbiran Kerajaan agar dasar dan polisi Kerajaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

PERUMAHAN YANG TERBENGKALAI

3. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kewangan menerangkan tentang skim-skim perumahan yang terbengkalai (abandoned):-

- (a) bilangan (i) kakitangan Kerajaan yang terlibat, (ii) orang awam yang terlibat dalam skim-skim itu;
- (b) bilangan kakitangan Kerajaan dan orang awam yang telah dapat pinjaman melalui (i) Kerajaan, (ii) bank-bank;
- (c) bilangan peminjam yang (i) telah selesai menjelaskan pinjaman, jika ada, (ii) belum selesai membayar balik tetapi telah berhenti membayar ansuran pinjaman itu, jika ada, (iii) masih membayar ansuran pinjaman itu, jika ada, dan
- (d) tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu peminjam-peminjam yang (i) telah selesai menjelaskan pinjaman itu, jika ada, (ii) telah membayar setengah pinjamannya tetapi berhenti sekarang, jika ada, dan (iii) masih membayar pinjamannya, jika ada.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. Ting Chew Peh]:

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, projek perumahan terbengkalai melibatkan sebanyak 36,131 orang pembeli. Ini termasuklah kakitangan Kerajaan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

tidak mengasingkan angka bagi kategori kakitangan Kerajaan dan bagi orang awam yang lain. Semuanya dianggap sebagai pembeli yang perlu diberi perhatian dari segi memulihkan projek yang terbengkalai itu.

Bagi kakitangan Kerajaan yang mendapat pinjaman perumahan dari Kerajaan, pinjaman ini diuruskan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan di bawah Kementerian Kewangan. Sekiranya mereka terlibat dalam projek perumahan terbengkalai, Bahagian tersebut memang ada memberi beberapa kemudahan.

Di antaranya, mereka boleh memohon menghentikan pinjaman dan hanya perlu bayar balik setakat jumlah yang dikeluarkan sahaja, ataupun memohon mengalihkan pinjaman yang masih layak kepada projek perumahan lain. Dalam keadaan tertentu mereka juga boleh diberi kebenaran gadaian kedua untuk mendapat tambahan pinjaman dari bank atau institusi kewangan lain.

Bagi pembeli yang bukan kakitangan Kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memainkan peranan sebagai "mediator" antara mereka dengan bank atau institusi kewangan dan pemaju supaya dapat memperolehi tolak ansur demi kebaikan mereka.

SEMPADAN KAWASAN PILIHANRAYA PARLIMEN - KAJIAN

4. **Tuan V. K. Sellappan** minta Perdana Menteri menyadakan:-
- (a) apakah kriteria atau kaedah yang akan digunakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk mengkaji balik sempadan-sempadan kawasan pilihanraya dalam tahun 1992;
 - (b) adakah Suruhanjaya Pilihanraya ingin menambahkan kawasan pilihanraya Parlimen dan negeri dalam eksersis ini;
 - (c) jika ya, apakah kriteria untuk menambahkan bilangan kawasan pilihanraya; dan
 - (d) adakah Suruhanjaya Pilihanraya ingin menyeleraskan sama jumlah bilangan pengundi dalam kawasan pilihanraya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Artikel 113 Perlembagaan Persekutuan kerja mengkaji semula sempadan kawasan pilihanraya Parlimen dan Negeri perlu dijalankan setiap 8 tahun atau lebih.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian semula sempadan yang terakhir untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah telah dibuat pada tahun 1984 dan untuk Sarawak pada tahun 1987. Dengan itu kajian semula sempadan untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah seawal-awalnya akan dibuat pada tahun 1992 dan untuk Sarawak pada tahun 1995.

Di samping itu Artikel 113 tersebut menyatakan kajian semula sempadan diberi tempoh selama dua tahun untuk menyiapkannya. Ini bermakna kerja kajian semula sempadan perlu diselesaikan pada tahun 1994 untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah dan pada tahun 1997 untuk Sarawak. Dengan itu adalah terlalu awal untuk memberi butir-butir lanjut seperti menambah bilangan kawasan pilihanraya kerana kajian

semula sempadan dijangka dibuat dalam tempoh masa 1992 hingga 1994 untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah dan untuk Sarawak pada tahun 1995 hingga 1997.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa memenuhi prinsip-prinsip yang ditetapkan oleh undang-undang khususnya Seksyen 2 Bahagian I, Jadual Ketigabelas Perlembagaan Persekutuan dalam sentua kajian semula sempadan pilihanraya.

Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, menyelaraskan jumlah pengundi di setiap kawasan pilihanraya seboleh-bolehnya sama adalah salah satu prinsip yang telah ditetapkan.

Tuan Frankie Chong Yu Chee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyak masalah-masalah dalam Daftar Pemilih Pilihanraya, misal kata kehilangan nama-nama dalam Daftar Pemilih atau nama-nama yang bertindih iaitu satu orang pengundi didapati boleh mengundi di dalam dua tiga kawasan, soalan saya, adakah Kerajaan akan menambah masa pemeriksaan ataupun objection period, dengan izin, dari masa yang sedia kata kepada masa yang lebih panjang supaya cukup masa untuk penelitian?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sedang mengkaji berbagai-bagai cara untuk rakyat meneliti senarai nama pengundi-pengundi atau nama mereka sendiri yang dicatatkan di dalam Senarai Pengundi.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telahpun mengemaskinikan atau memodenkan lagi pentadbirannya dengan pengenalan komputer yang lebih baik untuk mengkaji dan juga untuk menambahkan prestasi dalam usaha hendak mengenali nama-nama pengundi yang bertindih atau yang hilang bagi membolehkan yang hilang itu didaftarkan semula dan nama yang bertindih itu dipotong supaya ianya dapat mengundi di dalam satu kawasan pilihanraya sahaja.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam tempoh 1980 hingga 1990 berapakah jumlah penduduk dan bilangan kawasan pilihanraya Parlimen di negara kita dan dengan menambahkan pilihanraya Parlimen dalam tempoh masa itu adakah Kerajaan kita berpuas hati dengan nisbah itu untuk membolehkan wakil rakyat memainkan peranan dengan berkesan?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita mempunyai 180 kerusi Dewan Rakyat. Jadi, pada masa ini sememangnya Kerajaan kita merasakan bahawa ianya dalam keadaan yang elok kerana purata bagi sesuatu kawasan pilihanraya adalah 80,000 orang. Ini purata bagi sesuatu kawasan pilihanraya.

Jadi, 80,000 orang dengan jumlah 180 kerusi yang ada di Dewan Rakyat, Kerajaan menganggapkan bahawa suatu keadaan yang telah baik dan sempurna. Insya Allah bahawa Kerajaan akan mengkajinya berpandukan kepada jumlah penduduk yang ada. Sebab itulah kajian sempadan ini diadakan setiap 8 tahun sekali bagi meneliti perkembangan penduduk yang ada di dalam negara kita.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, berasaskan apakah Suruhanjaya Pilihanraya menentukan kawasan-kawasan pilihanraya? Adakah berasaskan luas kawasan ataupun ramai penduduk?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ianya bergantung

kepada banyak kriteria.

Soalan pertamanya ialah Kerajaan kena mengambil-kira bagaimana kemudahan setiap pengundi untuk datang ke tempat mengundi. Jadi, kita akan melihat, sudah pastilah salah satunya ialah keluasan tempat, perhubungan dan juga kawasan ini tidak menjangkau atau melampaui sempadan negeri bagi memudahkan hubungan ataupun urusan pentadbiran daerah Suruhanjaya Pilihanraya supaya kita dapat meneliti dan juga membolehkan para pengundi yang mendaftarkan itu mendapat segala kemudahan yang ada ini.

Jadi, bagi kawasan yang kemudahannya mungkin lebih baik, sudah pasti jumlah pengundinya mungkin lebih banyak. Tetapi bagi kawasan yang hubungannya sukar, sudah pasti kawasan itu luas tetapi jumlah pengundinya mungkin kurang disebabkan kesusahan perhubungan.

Jadi, salah satu perkara yang besar yang disebutkan tadi ialah kita mengambil-kira kemudahan para pengundi untuk datang mengundi pada hari pengundian ini, persoalan yang paling asas dalam kita membahagikan ataupun melihat sempadan baru untuk kawasan-kawasan pilihanraya.

UNDANG-UNDANG ISLAM - PELAKSANAAN

5. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada praktikal atau tidak bagi mana-mana negeri di Malaysia hendak melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya dan kalau tidak, apakah masalah-masalah atau halangan-halangannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, tertakluk kepada

Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Persekutuan yang berkaitan dengannya, sesuatu Negeri mempunyai bidangkuasa sepenuhnya berhubung dengan undang-undang Islam atau hukum Syarak yang terpakai bagi orang-orang yang menganuti agama Islam.

Oleh yang demikian, terpulanglah kepada Badan Perundangan Negeri berkenaan untuk menentukan sejauh manakah undang-undang Islam akan dilaksanakan dan sama ada praktikal atau tidak bagi undang-undang Islam akan dilaksanakan sepenuhnya di Negeri itu.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kami memahami mengenai hak-hak Negeri mengenai hukum dan juga pentadbiran hal ehwal Islam. Soalan tambahan saya kepada kepada Timbalan Menteri berkenaan ialah bagaimana kalau perkara yang menyentuh asas ataupun teras kepada hukum-hukum Islam itu sendiri, sebagai contoh hukum hudud umpamanya?

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan yang di-Pertua, setengah daripada hukum hudud Islam sudah dijalankan di dalam negara ini. Seperti misalnya orang yang membunuh dibunuh balas. Itu ialah hukum hudud. Hudud ertinya hukum yang telah ditetapkan sebanyak mana atau bagaimana hendak dilaksanakan.

Persoalannya ialah sebahagian daripada hukum hudud yang belum dilaksanakan. Jadi, oleh kerana perkara ini ada hubungan dengan, apabila kita katakan hukum Islam, mengikut Perlembagaan ialah dalam bidangkuasa Kerajaan Negeri, maka sebab itulah sebahagian hukum yang tinggal itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri dengan tertakluk kepada kuasa Perlembagaan dan undang-undang Persekutuan.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Undang-undang Islam yang manakah yang praktikal dan yang tak praktikal? Ini satu soalan yang sensitif sangat. Saya faham bahawa bukanlah mudah untuk diberikan jawapan dengan sepenuhnya. Tetapi kalau dapatlah disenaraikan mana yang praktikal dan boleh dilaksanakan, mungkin boleh dijelaskan atau dilakukan.

Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, memang dasar Kerajaan hendak melaksanakan kehendak Islam secara berperingkat-peringkat, sekira-kira apabila dilaksanakan tidak menimbulkan suasana keluh-kesah. Malah sebaliknya dilaksanakan dengan harmonis. Sebagai misal, penubuhan Bank Islam di Malaysia dan syarikat insuran Islam yang dinamakan Syarikat Takaful Islam. Dua perkara ini ialah tuntutan dan hukum Syarak dan di negara kita sudahpun dijalankan pada masa ini.

Oleh itu, terpulanglah kepada orang ramai sama ada hendak memilih sistem mengikut Bank Islam dan insuran Islam atau tidak. Walau bagaimanapun, keseluruhannya Kerajaan sudah menjalankan dan membenarkannya supaya dijalankan. Jadi, soal yang mana sensitif atau tidak ialah berbalik kepada dasar iaitu kita akan menjalankan secara beransur-ansur mengikut suasana dalam negara kita.

PROJEK PEMBANGUNAN DI KELANTAN/SABAH

6. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah projek-projek Kerajaan Pusat yang hendak dilaksanakan di negeri-negeri yang dikuasai oleh Parti Pembangkang; dan
- (b) sejauh manakah kuasa Parti Pembangkang boleh mengubah corak pemerintahan negeri-negeri yang dikuasainya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Kerajaan Pusat akan terus melaksanakan projek-projek pembangunan yang sesuai di semua negeri selaras dengan dasar-dasar dan strategi pembangunan negara. Projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima yang sedang dalam pelaksanaan akan terus dilaksanakan sehingga siap. Rancangan Malaysia Keenam masih dalam proses penyediaan dan belum dimuktamadkan lagi. Oleh itu, Kerajaan tidak dapat menyatakan apakah projek-projek baru yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.
- (b) Setakatmana perubahan boleh dibuat terhadap corak pemerintahan sesebuah negeri di Malaysia adalah bergantung kepada kebijaksanaan Kerajaan yang memerintah dan penerimaan majoriti rakyat di negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan yang dilaksanakan hendaklah selaras dengan Perlembagaan negara.

PARTI KOMUNIS MALAYA - LANGKAH MEMBENDUNG

7. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah bekas anggota komunis yang menyerah diri setelah berlakunya perletakan senjata; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membasmi pengaruh komunis di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah bekas anggota-anggota penganas komunis yang menyerah diri selepas termeterainya Perjanjian Penamatan Perjuangan Bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM) adalah seramai 1,112 orang.
- (b) Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membendung pengaruh komunis di negara ini adalah seperti berikut:
 - (i) mempertingkatkan lagi kewaspadaan Kerajaan terhadap kegiatan-kegiatan yang berbau pro-komunis terutamanya di dalam aktiviti yang menggunakan landasan berbentuk Barisan Bersatu atau United Front, dengan izin, dalam hal-ehwal politik, buruh, pelajar dan pertubuhan-pertubuhan massa.
 - (ii) Menarik balik Perintah-perintah Berkurung dan Kawalan Keselamatan di negeri-negeri sempadan di Semenanjung kecuali di kawasan-kawasan tertentu Utara Lebuhraya Timur-Barat iaitu di sempadan Perak dan Kelantan. Dengan pembukaan kawasan-kawasan ini program-program pembangunan sosio-ekonomi yang lebih pesat dapat dijalankan dan dipertingkatkan untuk kepentingan rakyat di

kawasan-kawasan berkenaan dan negara keseluruhannya.

- (iii) Meneruskan kerjasama erat dengan Kerajaan Thailand melalui Jawatankuasa Sempadan Bersama Malaysia-Thailand dalam membendung sebarang kegiatan komunis di samping juga usaha-usaha kerjasama di bidang sosio-ekonomi yang memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan terhapusnya ancaman komunis ini, apakah ancaman yang paling ditakuti oleh Kerajaan sekarang kepada kestabilan politik negara?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, perlulah saya jelaskan di sini bahawa ancaman komunis itu masih ada walaupun tidak berbentuk secara bersenjata. Kita terpaksa berwaspada walaupun ancaman secara perjuangan bersenjata telahpun ditamatkan, tetapi kemungkinan penyerapan anasir-anasir ideologi komunis ini meresap secara dalam bentuk yang lain yang tidak menggunakan senjata. Lain-lain masalah atau ancaman yang perlu kita titik beratkan di sini ialah tentang ketegangan kaum, begitu juga masalah agama dan yang lagi satu yang semua kita harus berwaspada ialah ancaman dadah.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya terbaca satu kenyataan di akhbar mengatakan Kerajaan akan memberi peluang kepada bekas-bekas anggota komunis ini untuk bergerak cergas dalam politik sekiranya mereka meninggalkan ideologi komunis. Saya ingin dapat penjelasan, setakat ini benarkah kenyataan tersebut dan kalau benar, sehingga ini berapa ramaikah bekas anggota komunis ini yang telah menyuarakan hasratnya untuk berbuat demikian?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kita kena menerima hakikat bahawa mereka ini adalah rakyat negara ini, tetapi oleh kerana ideologi komunis mereka dan juga perjuangan bersenjata mereka setelah termeterainya perjanjian penamatan perjuangan bersenjata, mereka boleh kembali ke tanahair, tetapi haruslah melalui proses-proses tertentu mengikut undang-undang negara ini, iaitu mereka mesti dipulihkan di tempat yang berseesuaian.

Setelah pemulihan berlaku mengikut kacamata kita dan kajian kita bahawa ia benar-benar telahpun selamat, bukan sahaja selamat bagi ancaman rakyat jelata, tetapi juga mereka ini terselamat daripada ancaman orang-orang yang mungkin hendak balas dendam dan sebagainya.

Setelah itu mungkin proses ini memakan masa sepuluh atau lima belas tahun bagi individu-individu tersebut. Selepas itu mereka jadi rakyat biasa, mereka bolehlah memasuki parti-parti politik yang bersesuaian mengikut undang-undang negara ini. Oleh kerana undang-undang negara ini kita tidak membenarkan parti komunis, tidak mungkinlah mereka akan menubuhkan sebuah parti yang ala komunis.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membuat soalan tambahan, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Di dalam cara membasmikan pengaruh komunis, satu daripada contoh saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, di dalam Peperangan Teluk di mana Kerajaan telah mempunyai satu pendirian tidak campur tangan dan tidak menyokong mana-mana pihak, tetapi ada sebahagian rakyat yang membuat tunjuk perasaan menggambarkan seolah-oleh Kerajaan tidak begitu mengambil berat terhadap kemahuan rakyat ataupun pendirian rakyat, di mana baru-baru ini ada tunjuk perasaan di hadapan Pejabat Kedutaan Amerika. Saya ingin tahu daripada Yang Borhormat Timbalan Menteri, apakah ini juga salah satu daripada campur tangan pengaruh komunis di dalam parti yang senantiasa membangkang Kerajaan yang ada sekarang atau pun dengan pendirian mereka sendiri seolah-olah menggambarkan mereka di pihak yang betul?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pendirian Kerajaan terhadap Peperangan Teluk adalah jelas, tetapi kita mesti tahu bahawa sebagai sebuah negara yang demokratik, kita mempunyai parti-parti politik yang sah yang boleh bergerak mengikut hasrat dan tujuan mereka, tetapi tidak melanggar undang-undang negara ini dan parti-parti ini boleh menyuarakan perasaan mereka mengikut selera mereka asalkan ianya tidak menjejaskan ketenteraman awam dan tidak menjejaskan keadaan rakyat jelata keseluruhannya dan tidak melanggar undang-undang,

Jadi apakah tujuan di sebalik mereka mengadakan tunjuk perasaan dan sebagainya itu, itu terpulang kepada niat pada mereka sendiri dan kalau kita lihat, mungkin mereka ingin menunjukkan sesuatu bahawa mereka lebih Islam daripada orang lain. Itu sahaja.

PENCEMAHAN/BANJIR KILAT - PERANCANGAN

8. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah keadaan pencemaran di negara kita dalam keadaan terkawal. Kenapakah banjir kilat selalu sangat terjadi di Kuala Lumpur. Tidakkah apa-apa perancangan atau tindakan diambil oleh pihak berkenaan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada keseluruhannya keadaan pencemaran di negara kita adalah dalam keadaan terkawal. Dari aspek pencemaran air, daripada 86 batang sungai yang diawasi dalam tahun 1989, hanya Sungai Julu, Sungai Ibai dan Sungai Kelang sahaja termasuk dalam kategori sungai yang tercemar. Lain-lain sungai adalah bersih.

Menyentuh tentang pencemaran udara pula, keadaan juga terkawal di mana tahap kualiti udara keseluruhannya masih dalam keadaan memuaskan. Pada tahun 1989, paras kandungan habuk terampai di kawasan-kawasan komersial, perumahan dan luar bandar adalah rendah

dan mematuhi garis panduan yang disarankan. Kawasan-kawasan trafik dan perindustrian merekodkan paras kandungan habuk terampai yang tinggi dan melebihi garis panduan yang disarankan. Paras kandungan plumbum yang boleh memudaratkan kesihatan adalah rendah di kawasan-kawasan perumahan, perindustrian dan komersial, tetapi tinggi di kawasan yang sesak dengan trafik.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, laporan terperinci mengenai keadaan kualiti alam sekitar mengenai negara ini boleh diperolehi di dalam Laporan Tahunan Kualiti Alam Sekitar yang diterbitkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Pada masa-masa yang lepas, banjir kilat berlaku atas sebab-sebab berikut:-

- (i) Jumlah air larian hujan yang banyak turun ke sungai dan mengalir dengan cepat ke hilir sungai. Keadaan ini berlaku kerana perubahan permukaan bumi daripada kawasan pokok-pokok dan tanaman-tanaman, iaitu kawasan hijau yang mempunyai daya resapan dan tahanan air hujan ke dalam tanah yang lebih tinggi ke kawasan-kawasan perumahan dan industri yang mana daya resapan dan tahanannya hampir kosong, Pembinaan parit-parit saluran di kawasan-kawasan perumahan dan pembangunan juga mempercepatkan aliran air hujan sampai ke sungai. Proses pemendapan di sungai-sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga merupakan faktor yang mengurangkan daya saliran pada rangkaian sungai-sungai ini.
- (ii) Sungai-sungai, parit-parit utama atau pembentong tersumbat akibat dari sarap-sarap yang menghalang aliran sungai atau parit.

Pada masa ini keadaan telah bertambah baik kerana tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Pengairan dan Saliran yang bertanggungjawab dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

- (1) meluruskan sungai;
- (2) mendalamkan sungai;
- (3) melebarkan sungai dengan tembok konkrit;
- (4) membina ban sungai yang lebih tinggi dan kukuh;
- (5) mengganti struktur yang kecil, yang merintang sungai kepada yang lebih besar;
- (6) membina stesen pam bagi kawasan yang lebih rendah dari paras air banjir di dalam sungai; dan
- (7) membina kolam takungan dan ampangan untuk menakung air semasa musim tengkujuh.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa kawalan pencemaran oleh pihak DOE, sedikit sebanyak menyekat perkembangan industri di setengah-setengah bidang terutama yang mengeluarkan sisa toksid. Soalan saya bagaimanakah Kerajaan mengimbangi kepentingan industri ini dan kepentingan alam sekitar iaitu apakah khidmat yang diberi oleh Kementerian kepada pengusaha-pengusaha industri?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, memang benar masalah pembuangan toksid buat masa kini adalah satu masalah yang begitu amat serius. Dan pelupusan pembuangan toksid yang merbahaya

itu sekarang diberi perhatian yang kuat oleh Kementerian saya supaya jentera-jentera dapat dibina di masa akan datang supaya buangan sisa toksid ini dapat dikumpul dalam suatu tempat. Di masa kini perancangan ini masih di dalam peringkat perancangan dan Kementerian saya sudah mengenalpasti dua tapak dan juga firma-firma swasta yang akan membina tempat pembuangan sisa toksid **ini**. Dan kita harap dalam masa yang tidak lama lagi, kawasan itu boleh dilaksanakan dan tempat ini dapat disiapkan dengan secepat mungkin supaya pelupusan buangan sisa toksid dan pada pihak industri boleh dikawal dalam keadaan yang memuaskan.

LESEN BERNIAGA/PERMIT TEKSI/LESEN IMPORT

9. Tuan David Yeoh Eng Hock minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) dasar yang menentukan pemberian lesen berniaga kecil-kecilan, permit teksi dan lesen import. Adakah dasar ini akan dikaji semula supaya orang ramai dapat untung secara adil dan kajian itu; dan
- (b) sama ada langkah Kementerian untuk memperkenalkan satu borang baru yang memerlukan pemohon mengisi penglibatannya dalam kerja-kerja masyarakat bagi setiap permohonan lesen kenderaan perdagangan akan menimbulkan masalah 'red-tape' dalam prosedur permohonan. Apakah kriteria yang digunakan untuk memastikan sama ada pemohon itu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam borang tambahan itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti

Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah melibatkan bidang kuasa beberapa Kementerian. Lesen berniaga kecil-kecilan adalah di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Manakala lesen import pula terletak di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kementerian Perusahaan Awam adalah bertanggung-jawab antara lain mengenai pengangkutan awam. Berhubung dengan pemberian lesen teksi, permohonan adalah terbuka kepada syarikat, persatuan dan orang-orang perseorangan mengikut undang-undang. Setiap permohonan hendaklah menepati syarat-syarat yang ditetapkan serta ada keperluan perkhidmatan teksi di kawasan berkenaan. Pihak Kerajaan sememangnya sentiasa mengkaji dasar-dasar tersebut dari masa ke semasa, selaras dengan perkembangan atau keperluan semasa.

- (b) Langkah yang memerlukan pemohon mengemukakan maklumat mengenai penglibatan dalam tugas-tugas kemasyarakatan, jika ada, semasa mengemukakan permohonan lesen kenderaan perdagangan tidak akan menimbulkan masalah red-tape, dengan izin. Ia lebih merupakan perhatian serta penghargaan kepada orang-orang yang mencurahkan jasa dan bakti kepada masyarakat.

Bagi memastikan pemohon mematuhi syarat ini, borang tambahan telah disediakan untuk diisi oleh pemohon dan maklumat-maklumat tersebut perlu disokong dan ditandatangani sama ada oleh Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Senator, Pegawai Daerah, Pegawai Kerajaan.

Tuan David Yeoh Eng Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa bilangan penduduk di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya semakin, berkembang pesat dan didapati bahawa amat perlu supaya lebih banyak lesen teksi dikeluarkan, kenapakah Kementerian berkenaan tidak memberi pertimbangan kepada permohonan-permohonan dari para individu di kawasan Lembah Kelang?

Kedua, adakah Kementerian berkenaan akan memberi pertimbangan terhadap permohonan dari para individu yang betul-betul perlukan lesen. kenderaan perdagangan untuk mencari nafkah hidup, sungguhpun ia tidak pernah terlibat dalam kerja-kerja masyarakat?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, buat ketika ini Kementerian berpendirian bahawa lesen-lesen di Wilayah Kuala Lumpur dan Petaling Jaya adalah mencukupi kecuali jika ada perubahan di masa-masa yang akan datang. Berkenaan dengan permohonan daripada individu telahpun dilonggarkan bahawa individu masih boleh memohon berasaskan kepada keperluan mereka untuk menjadikan usaha ini sebagai usaha untuk menyara sara hidup. dan keperluan untuk menambahkan syarat iaitu mesti mempunyai syarat berkhidmat ataupun memberi sumbangan kepada masyarakat adalah satu keperluan tambahan syarat baru dan ia perlu dipatuhi.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan Timbalan Menteri Perusahaan Awam, adakah di antara permit-permit teksi yang diberikan kepada orang-orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat telah dialibabkan. Dan kalau ada, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak dapat kita elakkan. Namun demikian, Kementerian sedang mengkaji untuk melakukan beberapa tindakan dan tindakan itu sedang dalam pertimbangan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Perusahaan Awam. Adakah Yang Berhormat mempunyai statistik ataupun bilangan pemohon-pemohon yang telah berjaya ataupun permohonan mereka diluluskan untuk mendapatkan permit teksi tetapi mereka tidak melaksanakan, mengoperatekan lesen yang telah dikeluarkan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan , Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai data yang dikehendaki tetapi boleh beri saya notis.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, mengenai permit teksi ini, kita dapati sejumlah besar daripada permit teksi ini diberi kepada kaum lelaki sahaja. Adakah ini bermakna bahawa kaum wanita tidak berminat untuk menjadi pemandu teksi seperti yang kita dapati banyak di negara-negara sebelah Barat?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak pernah menyekat mana-mana pihak yang ingin melibatkan diri dalam usaha pengangkutan sebagai pemandu teksi iaitu termasuk tidak mengira jantina.

PELANCONG ASING KE MALAYSIA

10. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:-

- (a) berapa ramai pelancong yang melawat Malaysia sepanjang tahun ini;
- (b) apakah kesan-kesan akibat kedatangan pelancong-pelancong itu ke negara kita;
- (c) berapakah pertukaran asing negara kita perolehi akibat kedatangan pelancong-pelancong itu; dan
- (d) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk terus menarik pelancong-pelancong ke negara kita.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada maklumat terkini yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen, dianggarkan bahawa Malaysia telah menerima seramai 6,892,739 orang pelancong asing dalam tempoh bulan Januari hingga November, 1990 iaitu memperlihatkan pertambahan sebanyak 56.6% berbanding dengan tahun 1989. Daripada jumlah tersebut, 6,462,898 orang telah datang ke Semenanjung Malaysia. 57,670 orang ke Sabah dan 372,171 orang ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kesan-kesan akibat kedatangan pelancong-pelancong ke negara kita ini antaranya ialah meningkatkan pendapatan hasil daripada pertukaran wang asing sebanyak 61% antara Januari hingga Disember, 1989 dan Januari hingga November, 1990.

Kedua, meningkatnya peluang-peluang pekerjaan dan kadar kenaikan permintaan buruh ataupun pekerja untuk industri pelancongan. Ramai rakyat Malaysia telah menikmati faedah dengan memperolehi pekerjaan. Perbandingan antara tahun 1989 dengan tahun 1990 menunjukkan bahawa dalam industri perhotelah kadar peningkatan pekerjaan adalah sebanyak 18% manakala bagi industri pengangkutan ataupun penerbangan, kadar peningkatan adalah sebanyak 29%. Ini menunjukkan kesan yang positif akibat kedatangan pelancong-pelancong tersebut.

Ketiga, ramai rakyat tempatan yang mendapat peluang pekerjaan dalam industri pelancongan yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti membekal makanan, barang-barangan, perkhidmatan dobi dan lain-lain lagi secara tidak langsung.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (c) jumlah pertukaran wang asing yang diperolehi oleh negara dari pelancongan dalam tempoh bulan January hingga November, 1990 adalah dianggarkan sebanyak \$4,113.59 juta berbanding dengan sebanyak \$2,543.93 juta bagi tempoh yang sama pada tahun 1989. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 61.7% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (d), Kementerian akan terus berusaha bagi mengekal dan mempertingkatkan kedatangan pelancong ke negara kita ini. Bagi jangkamasa pendek, usaha-usaha akan dibuat bagi mengadakan berbagai-bagai acara, memperbaiki kemudahan-kemudahan asas pelancongan dan mengekalkan usaha mempromosikan Malaysia sebagai suatu destinasi pelancongan yang menarik di pasaran utama dunia. Manakala bagi jangkamasa panjang antara usaha-

usaha yang akan diberi penekanan ialah memperbaiki kemudahan infrastruktur pelancongan, mengadakan tempat kediaman yang sesuai bagi pelancong-pelancong tempatan, membanyakkan lagi kemudahan pelancongan, mengelakkan pencemaran dan mengekalkan keindahan alam sekitar, membangunkan kebudayaan dan kesenian termasuk usaha-usaha pemeliharaan dan latihan serta pembangunan tenaga manusia di dalam bidang pelancongan. Usaha promosi akan terus diberi penekanan bagi jangkamasa panjang.

KAKITANGAN INSTITUSI KEWANGAN - PENGAMBILAN

11. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerianya telah mengeluarkan suatu kaedah/ panduan yang berkaitan dengan pengambilan pekerja di Bank, Institusi-institusi Kewangan dan Syarikat Insurans.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita semua maklum, pengambilan kakitangan oleh syarikat-syarikat swasta biasanya ditentukan sendiri oleh mereka mengikut keperluan dan kriteria yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Dengan demikian, tiada sebarang garis panduan khas dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia mengenai pengambilan kakitangan oleh institusi-institusi kewangan kecuali satu garis panduan yang dinamakan Garis panduan Kumpulanwang Latihan Kakitangan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dalam tahun 1985. Garis panduan itu bertujuan untuk mengurangkan pengambilan kakitangan yang berpengalaman oleh satu institusi kewangan dari institusi kewangan yang lain.

Di bawah Garis panduan Kumpulanwang Latihan Kakitangan yang dinyatakan tadi, sesebuah institusi kewangan dikehendaki membuat sumbangan kewangan kepada Institut Bank-bank Malaysia sejumlah bersamaan tiga bulan gaji baru kakitangan yang diambil sekiranya

pengambilan kakitangan tersebut dibuat tanpa kelulusan bekas majikannya. Antara syarat-syarat lain di bawah garis panduan itu ialah kakitangan yang terlibat mestilah menerima gaji kasar tidak kurang dari \$1,500 sebulan dari bekas majikannya dan telah meninggalkan bekas majikannya selama tidak lebih dari 6 bulan.

Selain daripada bertujuan untuk mengurangkan pengambilan kakitangan yang berpengalaman di kalangan institusi-institusi kewangan, sumbangan kewangan yang dikenakan ke atas institusi kewangan juga boleh meningkatkan Kumpulanwang Institut Bank-bank Malaysia bagi tujuan mengendalikan kursus-kursus untuk meningkat kemahiran kakitangan institusi-institusi kewangan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa daripada 52 buah syarikat insurans, 40 buah syarikat insurans itu tidak langsung mencerminkan berbilang kaum di dalam pekerja-pekerjanya? Sekiranya benar, apakah tindakan atau kaedah Menteri Kewangan berikan kepada syarikat-syarikat insurans ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi berkenaan dengan radio kaum kakitangan yang ada di dalam 40 buah syarikat-syarikat insurans itu, tetapi Garispanduan Kumpulanwang Latihan Kakitangan yang saya sebutkan tadi tidak termasuk institusi insurans dan Kerajaan tidak berhasrat untuk memperluaskan garis panduan itu memasuki syarikat-syarikat insurans.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan. Sekiranya garis panduan ini tidak diikuti oleh syarikat insurans, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu kajian dan membentangkan satu laporan di sini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai maklumat untuk menjawab soalan ini, tetapi Kementerian saya akan mengkaji apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, saya boleh memberikan sedikit sebanyak maklumat berkenaan dengan kedudukan kakitangan mengikut kaum bagi bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan bagi tahun 1990 iaitu; bagi bumiputera sebanyak 50% di dalam negara kita ini; bagi kaum Cina 42.1%; bagi kaum India 7.3% dan lain-lain lagi 0.6%.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.12.

RANCANGAN BELIA NEGARA

12. **Tuan Azman Atar bin Othman [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah ada lain-lain rancangan Kementerian kepada para belia negara ini sehingga mereka boleh berdikari selain dari program yang ada sekarang sehingga tahun 2000.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mempunyai perancangan dan strategi jangka panjang di dalam usaha melahirkan generasi belia yang mampu berdikari. Usaha-usaha secara bersepadu telah dilaksanakan melibatkan program pembinaan insan, menyediakan kemudahan latihan kemahiran dan keusahawanan serta kemudahan pinjaman di bawah Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia.

Bagi menghadapi tahun 2000 Kementerian Belia dan Sukan telah menyusun program-program baru dan mengemaskinikan program-program yang sedia ada untuk melahirkan belia yang lebih berkualiti. Antara langkah-langkah yang diambil ialah menyusun semula dan mempertingkatkan program latihan kemahiran vokasional di Pusat-pusat Latihan Belia di dalam usaha melahirkan belia yang mempunyai kemahiran serta mampu berdikari. Di samping itu, rancangan menubuhkan pusat-pusat latihan belia di setiap negeri akan dibuat ke arah menyediakan institusi kemahiran yang mencukupi untuk para belia.

Kementerian Belia dan Sukan juga berusaha dari masa ke semasa untuk meningkatkan program keusahawanan dengan menyediakan input-input baru bagi melahirkan belia berdikari. Rancangan membina Bengkel Teknologi Desa di setiap daerah sedang dilaksanakan di samping menyediakan kemudahan pinjaman yang mencukupi kepada belia menjelang tahun 2000.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, saya cuma ada satu soalan tambahan sahaja, adakah Kementerian bercadang memberi bantuan dari segi moral, kewangan dan lain-lain kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang di bawah persatuan-persatuan tempatan kerana mereka telah memainkan peranan yang penting pada masa kebelakangan ini?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, tentang bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan belia, Kementerian Belia dan Sukan sedang dan akan membincangkan tentang bantuan untuk pertubuhan-pertubuhan belia kerana dahulu, tahun yang lepas kita ada juga bantuan untuk pertubuhan-pertubuhan tetapi sekarang kita akan kaji semula tentang bantuan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan saya, saya hendak membuat pembetulan mengenai bahagian (b), negara yang disebutkan bukan "Iran dan Kuwait" tetapi "Iraq dan Kuwait". Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-13.

KRISIS TELUK - PENGLIBATAN MALAYSIA

13. Puan Law Jack Yoon minta Menteri ,Luar Negeri menyatakan tentang keadaan Krisis Teluk sekarang:-

- (a) sehinggalah kini, adakah lagi orang-orang awam rakyat Malaysia masih ditahan sebagai orang jaminan di Iraq dan Kuwait;
- (b) adakah Kedutaan Malaysia masih berfungsi di Iraq dan Kuwait; dan
- (c) sejauhmana penglibatan Malaysia dalam Krisis Teluk sekarang.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, pembetulan telahpun termaklum.

- (a) Pihak Kementerian tidak tahu di mana Yang Berhormat mendapatkan laporan tetapi sebenarnya tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang ditahan sebagai tebusan di Iraq dan Kuwait.
- (b) Kedutaan Besar Malaysia di Iraq masih bertugas seperti biasa. Walau bagaimanapun, ekoran daripada pencerobohan Iraq ke atas Kuwait, kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di Kuwait telahpun dihantar balik ke Malaysia oleh kerana Kerajaan Iraq tidak lagi memberi jaminan ke atas keselamatan mereka.
- Walaupun bagaimanapun, kita tetap mengiktiraf Kuwait dan hubungan diplomatik dengannya masih kekal seperti sediakala.
- (c) Semasa menjadi anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia telah terlibat dalam kesemua perbincangan ke atas penyelesaian Krisis Iraq/Kuwait. Sungguhpun kini kita tidak lagi menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB, kita masih memainkan peranan yang aktif untuk mencari penyelesaian damai ke atas krisis ini. Walau bagaimanapun, Malaysia merasa kesal kerana peperangan darat kini telahpun bermula. Peluang yang telah terbuka untuk menyelesaikan krisis ini secara damai telahpun terlepas. Walau bagaimanapun, kita akan meneruskan usaha kita untuk mencari usaha damai secepat mungkin.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya menanya Yang Berhormat Menteri, apakah impact, dengan izin, Perang Teluk itu terhadap ekonomi dan politik dan bilakah kita akan merasai impact itu, dengan izin, dan apakah rancangan Kerajaan untuk menempuhi masalah-masalah itu sekiranya ada?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, impact Peperangan Teluk ke atas ekonomi kita ialah seperti yang telahpun dinyatakan beberapa kali oleh pihak Kerajaan tetapi untuk mengulangi lagi ialah daripada segi jangka masa pendeknya tidak ada apa-apa kesannya oleh kerana ada peperangan, harga minyak naik, maka kita sebagai negara pengeluar minyak akan dapat sedikit keuntungan daripada kenaikan harga minyak tetapi jangka panjangnya tentu akan melibatkan kita oleh kerana bila ianya berlarutan, maka ekonomi negara lain yang tidak ada minyak akan merosot kerana mereka tidak akan mampu untuk mengimport barang-barang pengeluaran khususnya barang-barang keluaran daripada Malaysia. Sudah tentu kita akan dapat masalah dari segi mendapat pasaran dari negara-negara luar daripada Malaysia.

Kesan politiknya juga kini tidak ada apa-apa yang mendadak. Cuma sedikit masalah politik yang ditimbulkan oleh kumpulan tertentu. Walau bagaimanapun, tidak menjadi perkara yang besar dan dapat dikawal oleh pihak Kerajaan.

Tentang rancangan kita untuk menghadapi kesan ataupun impact peperangan itu, telah juga kita nyatakan iaitu kalau takdirnya peperangan itu akan tamat cepat dan ada tanda-tanda mungkin cepat tamat sebab hari ini pun kita dengar harga-harga saham di New York Stock Market meningkat dan ada juga kenyataan menyatakan bahawasanya pihak Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat telahpun dapat menakluki semula Kuwait City ataupun Bandar Kuwait dan kalau benarlah berita ini dan mungkin Kuwait dapat dibebaskan, sudah tentu peperangan akan dapat ditamatkan dengan cepat dan kalau itu berlaku, maka masalah kesan ekonomi dan politik yang teruk tentu tidak akan melanda kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun. Kita cuba habiskan, ada lagi dua soalan.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan, saya ada pembetulan sedikit kerana ada tertinggal perkataan iaitu "Sebagai Menteri Belia dan Sukan" selepas perkataan "tanggungjawabnya". Izinkan saya soalan No. 14.

MENTERI BELIA DAN SUKAN - TUGAS DAH TANGGUNGJAWAB

14. **Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan tugas dan tanggungjawabnya sebagai Menteri Belia dan Sukan sebagai saluran hubungan antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan dan rakyat Kelantan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan, Yang di-Pertua, perhubungan politik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri selepas pilihanraya umum yang lalu tidaklah seperti dahulu di mana parti-parti yang memerintah di peringkat Persekutuan dan Negeri adalah tidak dari parti yang sama. Oleh kerana parti yang memerintah di peringkat Persekutuan tidak sama dengan parti yang memerintah di Kelantan, maka perlu sekali Kerajaan Persekutuan menentukan adanya saluran perhubungan di peringkat Menteri antara kedua-dua Kerajaan itu. Kerajaan Persekutuan memutuskan supaya Menteri Belia dan Sukan yang berasal dari negeri Kelantan menjadi saluran ini.

Adalah diharapkan melalui saluran ini Kerajaan Persekutuan khasnya Jemaah Menteri akan memperolehi maklumat-maklumat mengenai keadaan pembangunan dan masalah-masalah rakyat di negeri Kelantan. Adalah perlu bagi Kerajaan Persekutuan mengetahui keadaan pembangunan dan masalah-masalah rakyat Kelantan untuk mempertimbangkan langkah-langkah untuk terus membangunkan negeri Kelantan demi kemajuan rakyat negeri itu.

KANUN TANAH NEGARA - MEMINDA

15. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada langkah Kerajaan untuk meminda "National Land Code" demi mengawal pemilikan asing yang sewenang-wenangnya dapat melindungi kepentingan rakyat kita di samping mempertahankan usaha Kerajaan untuk menarik pelaburan asing.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini keseluruhan Kanun Tanah Negara sedang dikaji. Perkara yang dibangkitkan adalah di antara perkara yang termasuk dalam kajian tersebut. Di dalam usaha untuk menjamin pemilikan tanah oleh rakyat negara ini tidak terjejas, Kerajaan juga akan memastikan bahawa tanah-tanah untuk kegunaan industri akan dapat digunakan oleh pelabur-pelabur asing supaya kemasukan pelabur-pelabur asing akan berterusan ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, semua soalan telah dijawab, maka sekarang kita terus pergi ke Aturan yang lain.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

Bacaan Kali Yaug Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [23hb Februari, 1991]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menyambung jawapannya.

3.29-ptg.

Menteri Kerja Raya [Datuk Leo Moggie anak Irok]: Tuan Yang di-Pertua, pada petang hari Jumaat sebelum Mesyuarat ditangguhkan, saya telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah menerangkan tindakan-tindakan yang sedang diuruskan oleh pihak Kerajaan bersabit dengan keselamatan jalan raya. Bagi menambah penerangan yang telah diterangkan oleh beliau itu, khusus yang melibatkan perkara physical condition jalan-jalan raya, sebenarnya Kerajaan telah menyediakan peruntukan khas bagi membaiki keadaan di beberapa tempat kawasan-kawasan yang dianggap merbahaya.

Kerajaan sedang melaksanakan program ini dalam dua bentuk iaitu projek memperelokkan kawasan-kawasan merbahaya dan projek untuk membina beberapa jejantas di tempat-tempat yang telah dikenalpasti. Komponen meningkatkan keselamatan jalan melibatkan sejumlah 42 kawasan merbahaya. Fasa pertama bagi komponen ini yang merupakan 22 kawasan telahpun siap direkabentuk dan dikumpulkan kepada 9 pakej. Kontrak telahpun diberi untuk 3 pakej, tender telah dipanggil untuk 4 lagi pakej, manakala baki 2 pakej tender akan dipanggil tidak berapa lama lagi.

Bagi Fasa II, komponen ini melibatkan 20 kawasan semuanya masih di peringkat awalan dari segi penyediaan tapak dan rekabentuknya. Anggaran yang telah disediakan bagi menaikkan keselamatan 42 kawasan merbahaya ini adalah \$55 juta, dan sebahagian dari peruntukan itu akan dibiayai menerusi pinjaman dari Bank Dunia.

Bagi pembinaan jejantas pula bagi pejalan kaki, jejantas dalam 27 lokasi akan dibina dan anggaran peruntukan sejumlah \$8 juta telah diagihkan bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan bagi mengimbangkan pengagihan peruntukan untuk pembangunan projek infrastruktur juga dibangkitkan, termasuk peruntukan yang sesuai lebih-lebih lagi khusus bagi negeri-negeri di Pantai Timur. Memang menjadi dasar Kerajaan untuk menimbangakan pelaksanaan projek-projek infrastruktur setelah mengambilkira kedudukan bagi seluruh negara. Dalam hal ini memanglah menjadi dasar juga kedudukan tempat-tempat di mana keperluan lebih mendesak baikpun dari segi kegunaan semasa ataupun untuk menentukan pembangunan industri yang mungkin dilakukan di tempat-tempat tersebut memang diberi keutamaan. Selain dari itu, perhatian juga diberi khusus bagi kawasan-kawasan yang masih ketinggalan. Walau bagaimanapun, semua ini terpaksa dipertimbangkan mengikut kedudukan kewangan Kerajaan, dan oleh sebab itu tidaklah semua pembangunan yang difikirkan perlu dilaksanakan dapat dtbuat mengikut tarikh yang mungkin diharap-harapkan oleh penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk mengulangi sekali lagi pendirian Kerajaan melibatkan pihak swasta dalam pembangunan infrastruktur, baikpun jalan-jalan ataupun bekalan air ataupun projek-projek infrastruktur yang lain.

Sekiranya kita bergantung atas peruntukan yang boleh disalurkan semata-mata oleh pihak Kerajaan, sukar bagi kita menyediakan infrastruktur yang amat mencukupi dan selesa. Oleh itu, memang menjadi polisi Kerajaan bagi pihak swasta melibatkan diri bukan menjadi kontraktor sahaja, tetapi selaras dengan policy privatisation, melaksana, membiayai dan mengendalikan ataupun operate sebahagian dari projek-projek infrastruktur. Dalam hal ini kita memang menyedari bahawa pihak swasta yang terlibat tidak akan menanam modal tanpa mendapat hasil pulangan. Dari seri itu memanglah diharapkan bahawa pihak rakyat jelata memahami rasional bagi pengguna-pengguna infrastruktur tersebut memberi sumbangan bagi tujuan itu. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, rasionalnya di mana beberapa jalan tertentu dikenakan pungutan tol. Perkara ini diulangi untuk mengambil perhatian fahaman rakyat di negara ini bahawa sumbangan pengguna-pengguna diperlukan bagi membangunkan Infrastruktur ke tahap yang diperlukan. Policy privatisation atau penswastan ini dalam pembangunan infrasturktur akan dipergiatkan lagi oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penerangan yang suka saya sampaikan kepada Dewan yang mulia ini. Saya minta maaf kerana tidak menyebut secara langsung Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah bercakap, tetapi saya mendapati alasan yang telah saya terangkan merangkumi secara polisi dan prinsip perkara-perkara yang

disentuh, oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya. Perhatian secara detail bersabit dengan pandangan-pandangan yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memanglah akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Menteri atau wakil daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

3.34 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan Belanjawan tahun 1991, mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kementerian berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin yang telah menyokong dan memuji Kementerian kerana mempercepatkan proses perindustrian di negara kita terutama untuk menarik pelabur asing.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bahawa Kementerian harus menjaga perkara-perkara negatif agar tidak menjejaskan usaha Kementerian ini, untuk makluman Yang Berhormat, hal ini selalu diberi keutamaan oleh Kementerian.

Berhubungan dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator V.K. Sellapan mengenai langkah-langkah untuk

mengwujudkan perbekalan tenaga pekerja mahir yang mencukupi di sektor industri, sukacita dimaklumkan bahawa langkah-langkah ini memang merupakan di antara beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan dalam menghadapi masalah perbekalan tenaga mahir.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak melahirkan rasa bimbang mengenai masa depan Kumpulan Ekonomi Rantau Asia Timur ataupun East Asian Economic Grouping (E.A.E.G).

Untuk makluman Yang Berhormat, negara-negara ASEAN secara keseluruhannya telah menyambut baik cadangan menubuh E.A.E.G. Hasil daripada lawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke negara-negara ASEAN ialah persetujuan untuk mengakji cadangan ini secara mendalam, oleh pegawai-pegawai tinggi ekonomi dan luar negeri ASEAN yang dicadang berlangsung pada awal bulan Mac, 1991. Kajian tersebut antara lain akan meneliti modality dan butir-butir lanjut mengenai E.A.E.G itu. Kerajaan telah mencadangkan bahawa penubuhan E.A.E.G ini akan diselenggarakan dalam dua peringkat.

Peringkat pertama adalah untuk negara-negara di Asia Timur berunding dalam Rundingan Pusingan Uruguay sebagai satu kumpulan dalam isu-isu kepentingan bersama. Tujuannya adalah untuk memperkukuhkan pendirian negara-negara tersebut dalam rundingan itu dan untuk memainkan peranan utama untuk menjayakan Pusingan Uruguay yang pada masa sekarang terbantut prosesnya.

Peringkat kedua pula, yang boleh diadakan serentak dengan peringkat pertama, adalah proses jangka masa panjang di mana negara-negara dalam Asia Timur akan meninggikan serta mengekalkan pertalian ekonomi dan perdagangan secara rasmi, supaya rantau ini

akan menjadi pengeksport yang kuat, pasaran import yang besar dan menjadikan rantau ini kawasan pelaburan yang menarik. Aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kumpulan ini tidak bercanggah dengan GATT dan tidak mengabaikan kepentingan negara-negara ketiga, seperti Amerika Syarikat dan Kesatuan Ekonomi Eropah. Untuk memulakan peringkat pertama Malaysia akan menjemput negara-negara di Asia Timur yang berkenaan untuk menghadiri mesyuarat bertujuan membincang isu-isu kepentingan bersama berhubung dengan Pusingan Uruguay pada bulan April.

Bagi peringkat kedua dan seperti yang telah dinyatakan pegawai-pegawai tinggi ASEAN akan meneliti cadangan ini dengan lebih mendalam, dan perkara itu akan dikemukakan seterusnya kepada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada bulan Oktober, 1991 dan ke Sidang Kemuncak ASEAN pada akhir tahun ini di Singapura. Menteri Perdagangan Antara Bangsa dan Industri juga akan melawat Tokyo dan Seoul sebelum pertengahan tahun untuk membincang perkara ini dengan lebih lanjut.

Tuah Yang di-Pertua, mengenai pendirian beberapa negara-negara lain, ingin dimaklumkan bahawa Kesatuan Ekonomi Eropah (E.E.C.) telahpun memberi sokongan kepada penubuhan E.A.E.G. Sokongan tersebut juga telah diberi oleh Republik Rakyat China, Korea Selatan dan Taiwan. Pihak Jepun pula tidak menolak cadangan ini malah telah menyatakan bahawa mereka perlu mengkaji perkara ini dengan lebih lanjut lagi.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum E.A.E.G ini tidak akan menjadi rantau perdagangan tertutup malah ianya boleh menjadi enjin penggerak kepada pertumbuhan perdagangan dan ekonomi dunia. Apabila perkara ini dijelaskan kepada negara-negara Ketiga, maka lama kelamaan tentangan daripada mereka akan hilang sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu pemindahan teknologi oleh pelabur-pelabur asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid Abdullah, keberkesanan pelabur asing dalam memindah teknologi kepada rakyat tempatan dapat dilihat dari segi bilangan perjanjian pemindahan teknologi yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Bagi tempoh 1986 sehingga 1990 sebanyak 732 perjanjian pemindahan teknologi telah diluluskan. Dari ini sebanyak 298 merupakan perjanjian bantuan teknikal, manakala 136 merupakan perjanjian pelesenan dan paten dan 72 perjanjian usahasama. Angka-angka ini menunjukkan tindakan positif yang sedang diambil oleh pelabur-pelabur asing untuk memindahkan teknologi. Kebanyakan daripada perjanjian ini adalah dalam sektor industri elektronik dan elektrik, kimia dan barang-barang getah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Isli Haji Siput, saya suka menjelaskan, ia lebih menyentuh di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, Walau bagaimanapun, usaha menarik pelabur-pelabur asing ke Labuan memang diberi keutamaan memandangkan kemudahan-kemudahan yang banyak di situ.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang saya ingin berikan kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang, saya jemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang

di-Pertua, ,Ahli Yang Berhormat Encik Chong Chi Siong telah menimbulkan pertanyaan kenapa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memilih Menara Malayan Banking yang dianggap menyusahkan pengguna berurusan dengan Kementerian, manakala Ahli-ahli Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin dan Tuan V.K. Sellappan ingin mengetahui tindakan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini membanteras kenaikan harga barangan dan penyelewengan perdagangan serta mencadangkan supaya kerja-kerja hakcipta dilesenkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak menganggap pemilihan ruang pejabat di Menara MAYBANK boleh menyusahkan pengguna untuk membuat urusan dengan pihak Kementerian. Tambahan pula kita tiada ruang yang lain yang agak luas seluas yang kami perlukan bagi raaksud Kementerian. Daripada tujuh bahagian yang terdapat di bawah Kementerian ini, hanya empat bahagian sahaja yang terlibat iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan termasuk Pejabat Urusetia Menteri, Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Bahagian Hal Ehwal Pengguna dan Pejabat Pendaftar Cap Perdagangan dan Paten yang akan memasuki ke Menara MAYBANK. Manakala bahagian lain yang banyak melibatkan pihak pengguna (public) iaitu Pejabat Pendaftar Syarikat dan Pejabat Pendaftar Perniagaan masih dikekalkan di tempat lamanya iaitu di Bangunan KUWASA, Jalan Raja Laut. Bahagian Penguatkuasa pula akan ditempatkan di Wisma PKNS juga di Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membanteras kenaikan harga barangan dan

penyelewengan, Kementerian akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengawasi harga barangan supaya tidak dinaikkan sewenang-wenangnya oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab. Pengawasan ini akan diperluaskan juga meliputi sebanyak tempat dan kawasan sungguhpun bilangan Pegawai-pegawai Penguatkuasa tidak mencukupi seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin. Dalam hubungan ini Kementerian akan mengemukakan cadangan kepada pihak-pihak tertentu untuk menambahkan bilangan kakitangan Bahagian Penguatkuasa supaya pemeriksaan ke atas kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan dapat diperluaskan dan dipertingkatkan untuk meliputi seluruh kawasan di negara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun ini sehingga 13 Februari 1991, sebanyak 19,450 premis perniagaan telah diperiksa dan jumlah pekedai yang telah diambil tindakan ialah 1,363 kes. Barang-barang bernilai \$639,105.94 telah disita. Maklumat terperinci mengenai kes dan barang yang dirampas adalah seperti berikut:-

- (a) Akta Kawalan Bekalan 1961 sebanyak 124 kes dan nilai barangan yang dirampas ialah \$44,963.
- (b) Akta Kawalan Harga 1946 - 337 kes dan jumlah barangan yang dirampas bernilai lebih kurang \$259,000.
- (c) Akta Perihal Dagangan 1972 - 226 kes dan nilai barangan \$88,000.
- (d) Akta Hakcipta 1987 - 35 kes dan nilai barangan yang dirampas \$180,000.
- (e) Akta Timbang dan Sukat 1972 - 605 kes, harga barangan yang dirampas bernilai \$66,000.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan supaya karia-karia hakcipta dilesenkan untuk menjamin

penghasilan dan perkembangan industri negara, adalah dimaklumkan bahawa ada dua cara atau pendekatan yang boleh diambil untuk memberi perlindungan kepada karia-karia iaitu (i) menjadikan pendaftaran sebagai satu syarat untuk mendapatkan perlindungan hakcipta; atau (ii) memberi perlindungan ke atas penghasilan dan pendaftaran bukanlah satu syarat untuk mendapatkan perlindungan.

Dalam memberikan perlindungan hakcipta, negara kita telah memilih cara kedua iaitu memberi perlindungan hakcipta secara automatik kepada karia-karia yang layak mendapat hakcipta jika syarat-syarat lain dipenuhi. Syarat ini telah diambil atas sebab-sebab berikut:

- (i) memberi perlindungan hakcipta secara automatik tanpa memerlukan pendaftaran bukan sahaja diamalkan di kebanyakan negara-negara lain tetapi juga menjadi satu kewajipan bagi negara-negara yang menganggotai Berne Convention yang juga turut dianggotai oleh Malaysia;
- (ii) Urusan pendaftaran karia-karia yang berhakcipta adalah terlalu membeban serta melibatkan kos yang tinggi;
- (iii) Sungguhpun pendaftaran dijadikan syarat untuk mendapatkan perlindungan bagi pattern, trade mark dan industrial designs untuk membolehkan pemeriksaan bagi menentukan novelty dalam memberi perlindungan hakcipta, novelty bukanlah syarat untuk mendapat perlindungan.

Tidak dapat dinafikan bahawa pendaftaran akan memudahkan tuanpunya karia dalam memebri keterangan mengenai haknya ke atas sesuatu karia dan tidak meragukan pengguna tentang kesahihan

tuanpunyanya. Walau bagaimanapun, Kerajaan berpendapat tugas-tugas pendaftar karia berhakcipta boleh dilakukan sendiri oleh tuanpunya hakcipta secara collective.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Kementerian Pertanian untuk memberikan jawapan.

3.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Ismail bin Said]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Kementerian Pertanian memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tempoh hari. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang, Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah bin Haji Mohd. Salleh dan Puan Hajah Rogayah binti Che Mat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang telah membangkitkan mengenai projek Endau/Rompin, tanaman, agung dan masalah hakisan. Projek Endau/Rompin sering kali dibangkitkan di Dewan Rakyat dan di Dewan yang mulia ini. Pihak Kementerian telahpun memberikan penjelasan mengenai keputusan menggugurkannya. Walau bagaimanapun, suka saya menjelaskan di sini bahawa satu faktor penting yang dipertimbangkan dalam melaksanakan sesuatu projek ialah aspek daya maju ekonomi projek tersebut. Walau bagaimanapun, demi memastikan negara mempunyai kadar tertentu bekalan beras sendiri, maka pengeluaran padi, beras terpaksa disokong melalui subsidi khususnya subsidi baja, padi dan subsidi harga padi. Ini

memberi kesan kepada Belanjawan Kerajaan Persekutuan oleh kerana subsidi-subsidi tersebut melibatkan perbelanjaan yang tinggi yang antara lain juga bertujuan supaya pengguna tidak dibebankan keseluruhannya dengan harga beras tinggi yang timbul dari kos paai yang tinggi.

Memandangkan kos ekonomi yang tinggi dalam pengeluaran padi, maka dasar sekarang ialah supaya pengeluaran padi dihadkan kepada hanya 8 kawasan jelapang padi yang ada sekarang. Pengguguran projek Endau/Rompin adalah berasaskan pertimbangan ekonomi dengan mengambil kira kadar tahap sara diri, beras pada masa sekarang pada tahap 60% hingga 65%.

Mengenai dengan ladang jagung, perlu ditegaskan bahawa usaha-usaha Kementerian pada masa ini ialah untuk mencari jalan bagaimana jagung dapat ditanam dan diusahakan dengan secara ekonomik dan menguntungkan di negara ini. Satu projek percubaan telahpun dijalankan di Perak dan Kementerian memerlukan masa yang lebih untuk mencari jalan bagi mengatasi beberapa masalah teknikal yang dihadapi sebelum kita dapat memastikan bahawa jagung bijirin dapat ditanam secara komersial dan menguntungkan di Malaysia untuk menggantikan import bahan tersebut yang kian meningkat, iaitu berjumlah lebih kurang 1.5 juta tan bernilai \$612 juta dalam tahun 1989.

Mengenai kacang hijau pula, walaupun ianya satu sumber protein tetapi merupakan barangan import yang kian menurun dari segi nilai dan jumlah, iaitu masing-masing \$370,000 dan 271 tan dalam tahun 1989. Kementerian beranggapan bahawa berbanding dengan sumber-sumber protin yang lain, kacang hijau adalah satu di antara tanaman yang kurang penting.

Mengenai masalah hakisan laut dan sungai, perkara yang sama telah dikemukakan oleh Yang Berhormat sebagai soalan untuk jawapan mulut yang akan dijawab pada 28hb Februari, 1991 akan datang. Walau bagaimanapun, berikut adalah penjelasan Kementerian berhubung dengan perkara ini. Kerajaan telah melaksanakan Kajian Hakisan Pantai Negara (National Coastal Erosion Study) pada November, 1984 hingga Januari, 1986. Hasil kajian menunjukkan bahawa kira-kira 1,300 km ataupun 27% dari jumlah 4,810 meter panjang pantai di Malaysia telah dikenalpasti sebagai kawasan yang mengalami hakisan. Berpandukan kepada kadar hakisan, kepentingan dan nilai aktiviti-aktiviti yang

terlibat kawasan-kawasan hakisan tersebut telah dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut:-

Kategori I Kawasan Hakisan Genting (Critical). Sepanjang 198 km yang melibatkan 60 kawasan pantai sedang mengalami hakisan yang kritikal dan memerlukan tindakan segera, iaitu 3 di Perlis, 9 di Kedah, 7 di Pulau Pinang, 3 di Perak, 9 di Selangor, 1 di Negeri Sembilan, 1 di Melaka, 6 di Johor, 5 di Pahang, 4 di Terengganu, 3 di Kelantan, 3 di Sarawak dan 6 di Sabah.

Kategori II Kawasan Hakisan Bererti (Significant). Kira-kira 230 km lagi yang melibatkan 69 kawasan pantai sedang mengalami hakisan dan masalah hakisan ini dijangka akan menjadi lebih serius. lagi dalam tempoh masa 5 hingga 10 tahun yang akan datang.

Kategori III Kawasan Hakisan Yang Masih Belum Serius. Kira-kira 900 km lagi mengalami hakisan tetapi kawasan-kawasan ini belum dibangunkan atau tidak didiami dan tidak memerlukan tindakan pada masa ini.

Hasil dari kajian tersebut, Kerajaan telah mengambil dua peringkat tindakan untuk mengawal masalah hakisan pantai. Dalam jangka pendek, tindakan-tindakan yang diambil melibatkan pembinaan struktur-struktur perlindungan ataupun pengawalan hakisan di kawasan yang kritikal. Sebagai langkah jangka panjang, tindakan yang diambil adalah dengan cara menggalakkan strategi pembangunan secara bersepadu dalam perancangan projek-projek pembangunan yang melibatkan kawasan pantai. Lanjutan dari itu, kajian-kajian terperinci telah dan sedang dijalankan bagi 42 kawasan pantai yang mengalami hakisan kritikal, iaitu Perlis 3, Kedah 7, Pulau Pinang 5, Perak 2,

Selangor 6, Negeri Sembilan 1, Melaka 1, Johor 3, Pahang 4, Terengganu 4, Kelantan 1, Sarawak 2 dan Sabah 3.

Setakat ini 11 projek telah disiapkan, iaitu:-

- (1) Kampung Baru Perlis;
- (2) Pantai Murni, Kedah;
- (3) Kuala Kedah, Kedah;
- (4) Chendering, Terengganu;
- (5) Sungai Haji Sirat Peringkat I, Selangor;
- (6) Kampung Kuala Muda, Pulau Pinang;
- (7) Sungai Salah Nama, Padang Garam, Kedah;
- (8) Pantai Rambah, Johor;
- (9) Kampung Kubur, Johor;
- (10) Tanjung Pengelih, Johor; dan
- (11) Kota Kinabalu, Sabah.

12 lagi projek perlindungan dan hakisan pantai sedang dalam pembinaan, iaitu 4 di Kedah, 2 di Perak, 1 di Selangor, 1 di Terengganu, 2 di Pulau Pinang, 1 di Perlis dan 1 di Sarawak, sementara 7 lagi projek adalah dalam peringkat rekabentuk.

Berhubung dengan masalah hakisan tebing sungai, ianya merupakan satu kajian semulajadi yang berlaku di hampir semua sungai di seluruh negara. Ianya menjadi satu kebiasaan yang tidak dapat dielakkan sebelum sungai yang terlibat itu sampai ke regim yang stabil. Setakat ini Kerajaan belum membuat apa-apa kajian terperinci ke atas kawasan-kawasan hakisan tebing sungai di seluruh negara. Walau bagaimanapun, di mana masalah hakisan tebing sungai menjadi serius dan mengancam penghidupan penduduk atau merosakkan kemudahan-kemudahan awam, Kerajaan telah melaksanakan projek-projek tertentu bagi mengatasi masalah tersebut. Contohnya, di Kampung

Kedai Buluh dan Kampung Laut di Sungai Kelantan.

Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa mengesan masalah hakisan tebing sungai di seluruh negara. Memandangkan ianya merupakan satu masalah serius, Kementerian Pertanian telah mencadangkan supaya bantuan Kerajaan Persekutuan diberi kepada setiap Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk memperkukuhkan lagi program pemeliharaan sungai. Mengikut Perlembagaan, sungai-sungai adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Peruntukan sebanyak \$34.5 juta juga telah dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam oleh Kementerian Pertanian dan diharap masalah hakisan tebing sungai dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tanaman mempelam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, suka saya jelaskan di sini bahawa untuk menambah hasil pengeluaran mempelam bagi negeri Perlis, usaha-usaha hendaklah dijalankan untuk memperluaskan lagi tanaman ini melalui tahaman jenis-jenis yang mempunyai nilai komersial serta menggunakan teknologi-teknologi tinggi, termasuk penggunaan baja-baja organik dan kimia serta pengairan titisan yang mencukupi dan pengendalian lepas tuai. Pengurusan tanaman mempelam hendaklah dijalankan secara komersial dengan mengambilkira pengeluaran, kos pengendalian lepas tuai, pembungkusan, pengangkutan dan juga pemasaran yang efisien.

Berkenaan dengan mempelam yang terbesar sekali di dunia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kajian perlu dibuat sama ada jenis yang sebegini besar dapat diterima dalam pasaran segar. Pada Lazimnya jenis-jenis yang besar ini digunakan untuk pemerosesan pengeluaran secara slice ataupun juice, manakala jenis yang lebih kecil diterima untuk pasaran segar. Mempelam ini dipanggil Putera

Kayangan yang telah didaftarkan sebagai MA 222. Mempelam ini berasal dari Gua Chempedak, Yen, Kedah. Bentuknya besar dan boleh mencapai sehingga 2 hingga 3 kg sebiji, hasilnya sederhana. Pada pokok berumur 5 tahun, hasil adalah 15 hingga 20 biji sepokok. Ianya boleh dimakan segar, tetapi lebih sesuai untuk diproses.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pemberian subsidi baja kepada negeri Kelantan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Rogayah binti Che Mat, perkara ini telahpun dijelaskan oleh, Yang Berhormat Menteri Pertanian pada 22hb Februari yang lalu semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas segala teguran dan pandangan membina yang telah diberikan oleh Ahii-ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah dan Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah binti Che Mat. Kementerian Pertanian akan meneliti dan mengambil tindakan yang sewajarnya di atas perkara-perkara yang dibangkitkan demi kebaikan petani, nelayan dan penternak di negara kita ini.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan untuk memberikan jawapan.

3.59 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi serba sedikit penjelasan dan ulasan kepada pandangan, teguran dan kritikan berhubung dengan isu-isu pendidikan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1991.

Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan telah menggesa supaya ditambahkan peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah di luar bandar. Sebenarnya Kerajaan telahpun menambah peruntukan kewangan iaitu geran per kapita untuk lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahunan (LPBT) atau Other Charges Annually Recurrent yang kita bayarkan kepada semua sekolah Kerajaan.

Kadar yang baru ini dilaksanakan mulai penggal persekolahan ketiga tahun yang lalu, 1990. Dan dalam menetapkan kadar ini, kenaikan kos barang-barang dan perkhidmatan yang biasa yang diperlukan oleh sekolah telahpun diambil kira, dan kadar ini didapati sesuai digunakan untuk beberapa tahun yang akan datang. Peruntukan mengikut kadar baru ini pada sekolah rendah adalah merangkumi aspek perpustakaan, perdagangan, sains rumahtangga, sains pertanian, seni perusahaan dan juga perkara—perkara seperti perbelanjaan bil api, bil air, bil telefon, percetakan, alatulis, pejabat dan lain-lainnya. Peruntukan mengikut kadar ini juga di sekolah menengah pula ialah bagi perpustakaan termasuk juga mata-pelajaran Perdagangan, Sains Rumahtangga, Sains Pertanian, Seni Perusahaan dan juga lain-lain perbelanjaan bagi asrama-asrama sekolah. Kadar baru peruntukan bagi matapelajaran yang- lain sedang kita laksanakan secara berperingkat. Kesan daripada pelaksanaan kadar baru peruntukan kewangan ini melibatkan peruntukan tambahan yang telah berjumlah \$68 juta setahun.

Yang Berhormat Senator juga telah menyarankan supaya Kementerian Pendidikan meningkatkan taraf pendidikan di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan khasnya di bidang kejuruteraan agar dapat melahirkan jurutera yang berkualiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk mengemaskinikan lagi sistem pendidikan tinggi untuk kita menjamin kualiti siswazahnya. Antaranya ialah penglibatan pihak swasta bagi memberikan latihan dalam bidang teknikal seperti projek usahasama yang sedang kita jalankan di antara Kementerian Pendidikan dan Sarawak Shell Sdn. Bhd., termasuk juga Sabah Shell Petroleum Co. Ltd dalam

satu projek yang kita kenali sebagai LINK atau Latihan Perindustrian Juru Kimpalan. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan perancangan dan program gunatenaga bagi menepati keperluan strategi industri alisasi dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Berhubung dengan cadangan supaya raurid-murid yang pintar diberi accelerated promotion, sebenarnya perkara ini sedang kita kaji dan Kementerian Pendidikan seterusnya berhubung dengan cadangan peruntukan mengenai kelonggaran tempoh pendidikan rendah antara 5 tahun hingga 7 tahun. Jadi, mengenai cadangan supaya bilangan murid sebanyak 40 hingga 50 orang dalam sesebuah kelas dapat dikurangkan menjadi 30 orang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya purata saiz kelas bagi sekolah rendah di seluruh Malaysia ialah 33.32. Hanya kawasan-kawasan bandar dengan ketumpatan penduduk yang tinggi sahaja yang mempunyai saiz sekolah melebihi 40 orang murid dalam satu kelas. Misalnya dekat dengan sini seperti Sri Gombak, di mana purata saiz kelasnya adalah 43.67 dan di Petaling, saiz kelas ialah 41.06. Kementerian berusaha untuk mengambil langkah tertentu supaya kita dapat mengurangkan saiz kelas di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara seperti membina lebih banyak lagi kelas dan menambahkan bilangan bilik darjah di samping kita membina sekolah-sekolah baru.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin menggesa supaya diberikan peruntukan khas untuk menyelaras kurikulum dan mengambilalih Sekolah Agama Rakyat. Sebenarnya peruntukan khas adalah diberikan kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia dan Akta Pelajaran 1961. Sungguhpun Sekolah Agama Rakyat ini di bawah Kerajaan Negeri, Kementerian Pendidikan biasanya membantu dengan menyumbangkan

bantuan kewangan berdasarkan kepada bilangan penuntut serta aliran kelas sesebuah sekolah itu iaitu dengan kadar per kapita sebanyak \$30.00 setahun di peringkat rendah, \$45.00 di peringkat menengah dan \$60.00 di peringkat menengah atas. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan juga memberi bantuan buku-buku teks. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1990 sahaja Kementerian Pendidikan telah menyumbangkan bantuan berjumlah \$7.0 juta kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara.

Mengenai Kurikulum Sekolah Agama Rakyat, usaha kita untuk menyelaraskan kurikulum sekolah yang berkenaan ada dijalankan. Ia adalah di selaraskan oleh badan yang dikenali sebagai LEPAI (Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam) yang berpusat di Jabatan Perdana Menteri dan mempunyai wakil dari Kementerian Pendidikan. Pelajar-pelajar di Sekolah Agama Rakyat juga mengambil peperiksaan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan.

Menyentuh mengenai gesaan supaya Kementerian Pendidikan mengambilalih Sekolah Agama Rakyat ini. Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa hal-hal yang mengenai agama Islam termasuk pembinaan Sekolah Agama di negeri dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan tidak ada kuasa dari segi undang-undang untuk mengambilalih sekolah tersebut.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon supaya sekolah dua sesi dapat dikurangkan, memanglah hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengadakan sekolah satu sesi sahaja di seluruh negara bagi sekolah menengah dan sekolah rendah. Jadi, usaha dan perancangan telah dibuat ke arah ini dengan pembinaan

sekolah-sekolah baru dan bilik-bilik darjah tambahan. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak dapat kita atasi dalam masa yang singkat memandangkan kepada peruntukan kewangan yang terhad dan kepada environment yang makin hari makin meningkat.

Beliau juga menimbulkan isu murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang telah mendapat 6A dalam peperiksaan UPSR yang seharusnya tidak disyaratkan menduduki peperiksaan khas Bahasa Malaysia, sebaliknya ditempatkan terus ke Tingkatan Satu. Berdasarkan kepada Akta Pelajaran 1961, kelas peralihan ialah satu peringkat dalam sistem pendidikan yang perlu dilalui oleh murid-murid yang berada di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, sebelum mereka ini meneruskan pelajaran ke peringkat menengah rendah. Oleh itu, syarat menduduki dan lulus Bahasa Malaysia tersebut adalah merupakan usaha Kementerian Pendidikan memberi satu kelonggaran yang telah digunakan dan untuk pelajar-pelajar SRJK ini yang mendapat 6A dalam peperiksaan UPSR ini. Kelulusan dalam ujian khas Bahasa Malaysia ini adalah penting untuk memberi sekurang-kurangnya gambaran pencapaian dalam penguasaan Bahasa Malaysia bagi mengikuti kurikulum sekolah kebangsaan kita.

Ini adalah kerana Bahasa Malaysia merupakan hanya satu matapelajaran yang diajarkan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan berbanding dengan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar seluruhnya di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan sejak dari Darjah 1 hingga ke Darjah 6, walaupun ianya tidak dapat menunjukkan dengan jelas sama ada pelajar-pelajar SRJK

adalah benar-benar fasih dan mendapat menguasai Bahasa Malaysia dengan sebaiknya. Lagipun Bahasa Malaysia yang diambil oleh pelajar-pelajar di SRJK ini dalam peperiksaan UPSR adalah jauh lebih rendah tarafnya berbanding dengan Bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan. Taraf Bahasa Malaysia dan mana-mana matapelajaran bergantung kepada kurikulum sesuai dengan masa yang diperuntukkan pada sesuatu matapelajaran tersebut.

Mengenai isu ini supaya Kerajaan menambahkan lagi bilangan universiti tempatan bagi kita menambahkan peluang kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tersebut, sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon dan Senator Dato' Tiong Hiew King, Kementerian Pendidikan berpendapat bilangan universiti yang sedia ada adalah memadai. Kementerian Pendidikan sekarang menekankan kepada usaha-usaha kita ke arah pembesaran kampus-kampus induk. Pertama, dimana kita telah memperlihatkan kemasukan universiti telah meningkat dari 48,655 orang bagi sesi tahun 1986/1987 kepada 54,215 orang bagi sesi 1989/1990.

Jadi oleh yang demikian, pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak berhasrat untuk membina universiti baru kerana perkara ini bukanlah satu hal yang mendesak dan strategi yang dirancangkan sekarang adalah jauh lebih berkesan, khususnya dari segi cost benefit, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon bahawa program cantuman dengan universiti luar negeri (twinning programme) adalah lebih money motivated daripada memenuhi aspirasi negara.

Sukacitanya saya maklumkan di sini bahawa sebelum sesebuah institusi pendidikan swasta itu dapat menjalankan twinning programme, ia perlulah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan. Jadi dalam hal ini hanya kursus-kursus yang kita kira bermanfaat kepada pelajar-pelajar di negara kita ini dan juga kepada pembangunan negara dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar pendidikan negara kita dan matlamat pendidikan kita, kita luluskan. Jadi di samping itu adalah menjadi syarat supaya unsur-unsur kajian tempatan atau Malaysian Studies hendaklah dijadikan sebahagian daripada kurikulum program tersebut.

Menyentuh tentang saranan Yang Berhormat Senator juga supaya penghantaran pelajar-pelajar ke universiti-universiti di luar negeri dikurangkan.

Sukalah dijelaskan di sini Kementerian Pendidikan memang telah mengurangkan penghantaran pelajar-pelajarnya ke luar negeri semenjak tahun 1987 dengan tujuan untuk kita mengurangkan kos perbelanjaan. Jadi keadaan ini masih lagi berkekalan hingga hari ini di mana pelajar-pelajar hanya akan dihantar ke luar negeri sekiranya bidang pengajian yang hendak diikuti itu tidak ada dikendalikan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan. Bagi setengah-setengah program pelajar-pelajar ini dikehendaki menjalankan kursus di universiti tempatan selama beberapa tahun sebelum mereka menghabiskan sebahagian kursus itu di luar negeri.

Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya pemaju perumahan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk membina sebuah sekolah dengan 20 buah bilik darjah bagi setiap 500 unit rumah yang dibina. Cadangan Yang Berhormat itu adalah praktikal sekiranya pembangunan sebuah kawasan itu adalah selaras dengan rancangan pembangunan infrastruktur Kementerian Pendidikan. Kerjasama pihak pemaju tanah seperti ini dapat membantu Kementerian dalam jangka masa yang panjang, khususnya di mana kawasan atau wilayah itu kepadatan penduduk-penduduknya tinggi.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang dari Terengganu telah mengusulkan supaya pihak Kementerian Pendidikan memberi perhatian kepada latihan kemahiran di kalangan pelajar-pelajar, terutamanya di peringkat SPM dan STPM supaya apabila mereka ini tamat persekolahan mereka dapatlah masa depan mereka terjamin.

Jadi berhubungan dengan isu ini, adalah menjadi hasrat dan perancangan Kementerian Pendidikan untuk memberi latihan kemahiran atau pendidikan vokasional kepada pelajar di peringkat menengah atas. Oleh sebab itulah pendidikan dan latihan yang berorientasikan kemahiran didedahkan di peringkat awal lagi melalui matapelajaran seperti kemahiran manipulatif diperingkat KBSR dan Kemahiran Hidup di peringkat KBSM iaitu di peringkat menengah sebagai satu komponen pendidikan asas.

Jadi pada masa depan kemahiran ini akan dilanjutkan ke peringkat menengah atas pula sebagai kesinambungan KBSM dan pelaksanaan dasar vokasionalisasi kita selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Negara kita (INP) dalam aspek untuk kita menyediakan tenaga kerja yang mahir dan trainable manpower. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan bersikap tegas dalam melaksanakan sesuatu dasar. Perlulah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian Pendidikan memang tegas dalam pelaksanaan sesuatu dasar itu, lebih-lebih lagi dasar yang dianggap pokok atau utama dalam sistem pendidikan negara.

Yang Berhormat Senator P. Balaram meminta Kementerian Pendidikan memastikan hasil pindaan Akta Pelajaran 1991 nanti dapat mencapai integrasi nasional. Dalam pengubalan Akta Pendidikan yang baru perpaduan rakyat atau integrasi nasional memang dijadikan satu daripada tujuan asas sistem pendidikan kita. Oleh itu, perkara-perkara pokok yang penting dalam integrasi nasional tidak diabaikan seperti penggunaan Bahasa Malaysia sebagai satu matapelajaran dalam sistem pendidikan

kebangsaan, penggunaan kurikulum kebangsaan bagi semua sekolah dan peperiksaan awam yang sama. Beliau mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengubahsuaikan syarat-syarat kelayakan ke universiti daripada kelulusan SPM yang ada sekarang kepada satu Ujian Kelayakan Khas atau menyesuaikan semula STPM dalam cadangan pindaan Akta Pendidikan yang baru, terutama dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kelayakan seseorang pelajar itu mengikuti sesuatu kursus pengajian di universiti, terutamanya dalam bidang perubatan dan kejuruteraan, bukan sahaja bergantung kepada lulusan di peringkat STPM, malah kelayakan mereka ini juga bergantung kepada syarat-syarat khas fakulti itu yang telah ditetapkan oleh universiti itu sendiri. Jadi, Kementerian Pendidikan masih lagi mengekalkan amalan ini dan pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menukarnya kepada bentuk lain bagi menggantikan STPM.

Mengenai permintaan supaya Kementerian Pendidikan memberi tumpuan yang utama kepada pembangunan fizikal sekolah-sekolah di luar bandar dan estet, Kementerian Pendidikan ini memang sentiasa berbuat demikian terhadap perkara berkenaan. Dan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$455.9 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan fizikal di sekolah-sekolah rendah luar bandar manakala sekolah menengah pula sebanyak \$600 juta. Bagi sekolah-sekolah di estet pula sebanyak \$4.5 juta telah dibelanjakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima untuk pembangunan ,fizikal di sekolah-sekolah tersebut.

Jadi mengenai permintaan supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula syarat bantuan kepada sekolah-sekolah luar bandar dan estet yang didirikan di atas tanah swasta pula, sukalah dijelaskan di sini bahawa sekolah-sekolah yang terletak di atas tanah swastakan adalah dikategorikan sebagai sekolah-sekolah bantuan modal. Dengan status sedemikian Kementerian Pendidikan hanya boleh memberikan bantuan setakat 50% atau kurang daripada kos projek yang dipohon dan diluluskan oleh Kementerian Pendidikan tertakluk kepada peruntukan yang kita ada.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rosnah binti Mohd. Salleh supaya masalah kekurangan guru bahasa Inggeris diatasi dengan cara melanjutkan perkhidmatan guru-guru mata pelajaran tersebut, Kementerian Pendidikan telahpun mempelawakan guru-guru yang telah bersara untuk berkhidmat sebagai guru kontrak melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.7/78. Walau bagaimanapun mengikut maklum balas dan pengalaman-pengalaman yang lalu, pengambil guru-guru bersara ini bukanlah satu cara untuk kita menyelesaikan masalah ini dan tidak begitu berkesan untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Inggeris. Lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana pengajaran dan pembelajarannya mengikut sistem KBSR dan KBSM sekarang ini. Jadi oleh yang demikian pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan untuk mengambil semula-guru-guru bersara bagi mengatasi kekurangan guru.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Azumu Tak, Kerajaan telahpun menetapkan bidang kuasa Suruhanjaya

Perkhidmatan Pendidikan untuk melantik, mengesahkan dan memberikan taraf berpencen kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan termasuk juga jawatan-jawatan bukan guru dalam Kementerian Pendidikan.

Jadi berhubung dengan isu ini kurangnya perhatian yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan dalam memajukan bidang sukan di sekolah-sekolah, perkara ini juga adalah kurang tepat. Kementerian Pendidikan sebenarnya sentiasa peka terhadap kepentingan sukan dan juga membantu pertumbuhan mental dan fizikal yang sihat di kalangan pelajar kita.

Jadi, di atas kesedaran ini dan di dalam usaha untuk memajukan bidang sukan untuk negara, Kementerian Pendidikan telah dan sedang merancang berbagai aktiviti sukan di pelbagai peringkat - peringkat daerah, peringkat sekolah, peringkat negeri melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah. Di samping itu juga, Kementerian Pendidikan merancang untuk membina sekolah sukan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Yang Berhormat Senator Ida Dimpangal telah membangkitkan supaya penubuhan institusi kanak-kanak cacat hendaklah diperluaskan di kawasan luar bandar. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan telah menyediakan kemudahan ini yakni pendidikan khas bagi kanak-kanak cacat pendengaran, cacat penglihatan dan kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran di bandar melalui sistem persekolahan khas atau kelas pendidikan khas di sekolah biasa. Walaupun sekolah khas atau kelas pendidikan khas tersebut terletak di bandar, murid-murid dari luar bandar juga sentiasa diberi keutamaan dan kemudahan penginapan asrama sekolah di sekolah masing-masing. Jadi, dalam perancangan jangka-panjang, Kementerian Pendidikan akan memperluaskan skop ini ke kawasan-kawasan luar bandar.

Yang Berhormat Senator Dato' Tiong Hiew King telah menimbulkan isu pelajar Cina yang lebih suka mengambil matapelajaran lukisan berbanding dengan bahasa Cina di peringkat SRP dan SPM. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang halangan bagi pelajaran-pelajar yang berminat untuk mengambil kedua-dua matapelajaran lukisan dan bahasa Cina di peringkat SRP dan SPM. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada mereka untuk menggugurkan mata-matapelajaran yang mereka kurang minat dengan syarat mereka memenuhi peraturan yang ditetapkan bagi peperiksaan-peperiksaan tersebut.

Yang Berhormat Senator David Yeoh Eng Hock berharap sistem pendidikan dapat diperbaiki untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bernilai murni dan boleh bekerjasama di antara satu dengan Lain. Mengenai perkara ini Kementerian Pendidikan telah mengadakan beberapa matapelajaran tertentu seperti pendidikan agama Islam, pendidikan moral di dalam KBSR yang diperkenalkan sejak tahun 1982 dan dalam tahun 1988 KBSM, bagi tujuan kita untuk melahirkan rakyat yang percaya dan patuh kepada tuhan, berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan juga berkeupayaan mencapai keseimbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Jadi, walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini ibu bapa di rumah juga perlu memainkan peranan mereka masing-masing yang penting untuk mendidik dan membentuk akhlak anak-anak mereka.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Chong Chi Siong supaya SRJK(C) diberikan tumpuan yang lebih utama dari aspek mempertingkatkan kemudahan asas. Sebenarnya SRJK(C) yang ditimbulkan adalah dalam kategori sekolah bantuan modal yang dikelolakan oleh Lembaga Pengurus sekolah berkenaan. Adalah menjadi tanggungjawab utama Lembaga Pengurus untuk membaikpulih keadaan sekolah tersebut oleh kerana Kementerian Pendidikan mempunyai peruntukan kewangan yang terhad, sedang komitmen Kementerian Pendidikan terhadap sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan yang sama keadaannyapun tidak dapat disempurnakan dengan sepenuhnya. Jadi, oleh itu adalah sukar bagi Kementerian Pendidikan untuk memberi tumpuan yang khas kepada sekolah-sekolah ini.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Hajjah Habidah Jusoh

supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan digabungkan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa cadangan berkenaan adalah tidak wajar dilaksanakan. Hal ini disebabkan SPP adalah khusus untuk mengendalikan hal-hal perjawatan dan perkhidmatan kakitangan pendidikan yang sangat besar bilangannya. Pengkhususan dalam melaksanakan tugas-tugas ini akan menimbulkan kecekapan dan penjimatan waktu. Jadi, dengan itu kos perbelanjaan dapat juga dijimatkan. Lagi pun setakat ini belum pernah berlaku pertindihan kerja sebagaimana yang telah didakwakan. Selaras dengan dasar ini juga Kerajaan telah mewujudkan suruhanjaya lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Polis, Tentera, Penjara dan sebagainya.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas aduan Yang Berhormat Senator C. Krishnan yang memaklumkan tentang masalah yang dihadapi oleh Sekolah Menengah Sungai Pelek seperti dakwaannya yang mengatakan tidak adanya pengetua, kekurangan guru terlatih dan sebagainya. Kementerian Pendidikan akan menjalankan penyiasatannya untuk mengenalpasti bantuan yang harus kita berikan bagi mengatasi kesulitan yang dikatakan sedang dialami oleh sekolah tersebut.

Mengenai isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Rogayah Che Mat mengenai pertukaran guru-guru di Kelantan telah dibuat sewenang-wenangnya. Sebenarnya, pertukaran ini adalah perkara yang biasa berlaku pada akhir tahun dan awal penggal sekolah, bukannya seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pertukaran ini adalah dilakukan bagi kepentingan pendidikan di atas sebab-sebab tertentu iaitu bagi kita mengisikan jawatan yang

dikosongkan oleh Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah bersara atau yang telah meletak jawatan, mengisi jawatan kekosongan baru, untuk kita memenuhi permohonan bertukar daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan juga untuk memberi pengalaman baru, kepada Pegawai-pegawai Perkhidmatan yang telah berkhidmat.

Jadi, masalah keselamatan di sekolah berasrama penuh yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Isli bin Haji Siput adalah berkaitan dengan kegiatan vandalisma yang boleh diselesaikan di peringkat sekolah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan ada menyediakan peruntukan untuk menyelenggarakan perkara seperti ini di peringkat negeri seperti untuk menggantikan tingkap-tingkap yang pecah dan lain-lainnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekian sahaja ulasan dan pandangan dari Kementerian Pendidikan atas isu yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Saya menyedari ada beberapa isu yang saya tidak dapat jawapankan pada hari ini. Walau bagaimanapun, perkara tersebut adalah di dalam perhatian Kementerian Pendidikan dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan keteguran, kritikan dan pandangan yang membina. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat. Timbalan Menteri Luar Negeri untuk memberikan jawapannya.

4.28 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin

Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan 1991 mengenai Kementerian Luar Negeri. Hanya ada dua-tiga perkara sahaja yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya akan mengambil kesempatan ini untuk menjawab.

Pertamanya berkenaan dengan Perang Teluk. Saya ingin juga merakamkan ucapan terima kasih ke atas pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid Ismail dan Yang Berhormat Dato' Tiong Hiew King mengenai krisis Teluk.

Sokongan Malaysia ke atas Resolusi 678 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah jelas selaras dengan pendirian Kerajaan menentang sebarang pencerobohan oleh sesebuah negara ke atas sesebuah negara yang lain. Iraq mestilah berundur dari Kuwait dan mengembalikan Kuwait kepada rakyatnya.

Kita telah menyatakan beberapa kali iaitu dalam tindakan mengusir tentera Iraq dari Kuwait, Iraq tidak harus dimusnah sama sekali kerana Resolusi itu tidak memberi wenang sedemikian.

Kerajaan juga memandang berat kenyataan oleh beberapa pemimpin terkemuka antarabangsa yang menggaris matlamat tindakan tentera negara-negara Bersekutu ke atas Iraq yang dianggap terkeluar dari Resolusi 678. Lebih jauh lagi, kita tidak melihat sama sekali wujudnya peranan utama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam sekurang-kurangnya mengawasi dan mengkaji semula pelbagai aspek tindakan itu. Kebimbangan kita itu telah dinyatakan dalam satu perbahasan tertutup Majlis Keselamatan mengenai Krisis Teluk pada 15hb Februari, 1991 yang lalu. Kerajaan juga menyokong akan segala usaha untuk mencari penyelesaian damai oleh mana-mana pihak, baik secara persendirian ataupun berkumpulan seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Kerajaan juga menganggap kenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Pemerintahan Revolusi Iraq pada 15 Februari 1991 lalu untuk mematuhi Ketetapan 660, iaitu untuk berundur dari Kuwait dengan syarat-syarat tertentu sebagai satu langkah positif ke arah yang betul demi menyahut rayuan masyarakat antarabangsa. Semua pihak termasuk Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu haruslah mengkaji dengan teliti agar tawaran oleh Iraq tersebut dan seterusnya mengambil segala peluang untuk menamatkan peperangan.

Kerajaan juga menghargai usaha Soviet Union yang sedang dan telah giat mencari penyelesaian terhadap krisis itu. Menurut berita terakhir, pihak Iraq telahpun bersetuju berundur dari Kuwait dan kita sangat berharap pihak negara-negara bersekutu akan menyambutnya dengan positif dan tidak berlengah-lengah lagi bagi menamatkan segala tindakan tentera ke atas Iraq dan Kuwait, tetapi kini cadangan damai Soviet Union tidak diterima.

Ultimatum Amerika Syarikat supaya Iraq keluar daripada Kuwait dalam tempoh masa yang begitu singkat juga gagal dilaksanakan oleh Iraq. Kini perang darat besar—besaran telahpun bermula. Walau bagaimanapun, kita tidak berputus asa, malah akan terus menyuarakan agar usaha-usaha damai harus diperlipat gandakan agar pembunuhan dan permusnahan yang sia-sia itu dapat dihentikan dengan kadar secepat mungkin.

[Tuan Adam bin Kadir mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah berkenaan dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Adalah menjadi salah satu tugas Kementerian Luar

Negeri untuk memperkenalkan Malaysia di luar negeri. Dalam hubungan ini, Kementerian Luar Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam usaha untuk menggalakkan industri pelancongan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan itu saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai Kementerian Luar Negeri semasa mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan ini.

Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Saya menjemput Menteri Kesihatan.

4.34 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun membuat teguran- teguran ke atas Kementerian Kesihatan.

'Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon menyentuh tentang kekurangan doktor dan peralatan perubatan, dengan itu memerlukan perbelanjaan yang banyak. Selain dari itu, tugas Kementerian kesihatan disamping memberi khidmat kepada pesakit-pesakit, perlu juga mengurangkan jumlah penyakit. Dengan itu, perlu diadakan satu rancangan menyeluruh yang boleh menghindarkan rakyat daripada diserang penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi program kesihatan, pencegahan dan penggalakan untuk mcncegah kejadian penyakit dan meningkatkan tarat kehidupan rakyat supaya dapat memperbaiki tarat kehidupan mereka.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) memperbanyakkan lagi kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar dan di kawasan-kawasan tertentu di dalam bandar. Bilangan pusat-pusat kesihatan di Semenanjung Malaysia telahpun bertambah daripada 363 pada tahun 1985 kepada 397 pada tahun 1989 dan bilangan Klinik Bidan dan Klinik Desa telahpun bertambah daripada 1629 pada tahun 1985 kepada 1,655 pada tahun 1989;
- (ii) mengadakan Klinik Tambahan dan Klinik Bergerak kepada penduduk-penduduk di kawasan pendalaman. Mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan dan perubatan di semua klinik-klinik seperti perkhidmatan X-ray dan ECG. Bilangan doktor-doktor dan para medik juga ditambah di pusat-pusat kesihatan tertentu;
- (iii) mempertingkatkan lagi program imunisasi di kalangan kanak-kanak untuk mencapai liputan yang lebih tinggi.
- (iv) mempertingkatkan lagi perkhidmatan kesihatan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak yang diberi di klinik-klinik;
- (v) mempertingkatkan pelajaran kesihatan kepada ibu-ibu dan masyarakat dalam segi kepentingan-kepentingan penjagaan asas kanak-kanak, imunisasi kepada kanak-kanak, mengenalpasti dan rujukan bagi ibu-ibu dan kanak-kanak yang berisiko tinggi, kegunaan kemudahan kesihatan dan sebagainya;

- (vi) pendattaran dalam Dattar Termiskin di bawah program Pembangunan Rakyat Termiskin dan pemberian bantuan sewajarnya termasuk makanan tambahan bagi kanak-kanak kekurangan zat makanan.;
- (vii) mernpertingkatkan lagi penglibatan masyarakat dan sokongan penduduk supaya masyarakat menggunakan perkhidmatan kesihatan yang sedia ada;
- (viii) mernpertingkatkan lagi program pencegahan kawalan penyakit-penyakit berjangkit dan program kawalan mutu makanan; dan
- (ix) program Penggalakan Cara Hidup Yang Sihat, dengan izin, Healchy Life Style Programme untuk menggalakkan orang ramai menjalankan cara hidup yang sihat. Penekanan utama progrma ini ialah untuk mewujudkan kesedaran di kalangan individu dan masyarakat supaya mereka dapat mengembangkan sikap yang boleh mendorong dan menggalakkan penerimaan amalan-amalan kesihatan yang baik dan menghentikan sikap-sikap yang tidak sihat. Program ini ialah untuk mencegah kejadian penyakit jantung koronari, barah, penyakit kelamin, kencing manis, penyakit-penyakit kanak-kanak dan keracunan makanan.

Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin telah juga menyentuh tentang masalah pengesanan penyakit kanser dengan jenis-jenisnya yang khususnya banyak menular di kalangan-kalangan wanita. Akibat kekurangan peralatan rawatan yang lengkap, banyak kematian terjadi katanya. Beliau juga meminta supaya diperbanyakkan peralatan tersebut terutamanya di semua Hospital-hospital Besar di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kanser buah dada boleh dikesan dengan pemeriksaan klinikal dan dapat disahkan dengan biopsy dan pemeriksaan histopathologi. Kemudahan bagi tujuan tersebut terdapat di semua hospital. Selain daripada itu, screening, dengan izin dapat dibuat melalui 'mammography' yang kini terdapat di Hospital Besar Kuala Lumpur dan juga di Hospital Besar Ipoh. Ianya juga dapat diperolehi bagi Hospital Besar Kuantan manakala ada juga rancangan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ini di hospital-hospital besar yang lain seperti di Pulau Pinang dan di Johor Bahru.

Kanser-kanser lain dapat dikesan melalui pemeriksaan klinikal, pemeriksaan biopsy dan histopathologi. Ianya juga boleh dikesan melalui ultrasound dan Computerised Tomography Scan, ataupun CT Scan. Kemudahan ultrasound terdapat di semua hospital-hospital besar, manakala CT Scan didapati di Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital-hospital Besar di Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kuala Terengganu dan Kuching. Pakar-pakar berkaitan dengan radiologist juga terdapat di hampir semua hospital besar.

Perlu ditegaskan di sini bahawa dalam mengenalpasti kanser, ataupun mendiagnosa kanser, perkara yang penting sekali ialah kesedaran pesakit atas tanda-tanda kanser. Sekiranya mereka datang ke hospital pada peringkat awal ketika mengalami tanda-tanda tertentu, diagnosa dapat dibuat lebih awal dan seterusnya rawatan dapat diberi dengan lebih berkesan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat menyatakan bahawa ada jenis ubat-ubatan yang diperlukan oleh pesakit-pesakit bagi penyakit seperti sendi tulang, nerve ataupun muscle, kerongkong, sakit kepala dan sebagainya tetapi tiada ubat-ubatan tersebut di hospital-hospital. Beliau meminta supaya diperbanyakkan lagi bekalan ubat-ubatan tersebut.

Tuan yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan hanya menyimpan stok ubat-ubatan yang tersenarai dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan. Pegawai-pegawai Perubatan telahpun dinasihatkan supaya hanya memberi perskripsi ubat-ubat yang terkandung dalam senarai ini.

Senarai ini mengandungi sejumlah 1,090 persediaan. Jumlah ini dijangka cukup untuk rawatan sejumlah besar keadaan penyakit yang terdapat di negara ini.

Keadaan di mana Pegawai Perubatan memberi preskripsi ubat-ubat yang tidak dapat di dalam senarai ubat-ubatan adalah kadangkala berlaku. Dalam keadaan ini, ubat-ubatan berkenaan tidak dapat dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, senarai ini dikaji dua kali setahun dan permohonan untuk menambah persediaan-persediaan ubat baru dipertimbangkan semasa kajian ini dibuat.

Ahli Yang Berhormat Tuan P. Balaram menyatakan Kementerian Kesihatan selalu memberi perhatian kepada perkhidmatan kesihatan di bandar-bandar sahaja. Selain daripada membina hospital-hospital di bandar-bandar, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa juga harus diberi perhatian, katanya. Beliau syorkan pusat-pusat kesihatan dipertingkatkan statusnya kepada hospital-hospital kecil ataupun hospital kawasan supaya pesakit-pesakit boleh mendapat rawatan di hospital-hospital kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap perkembangan perkhidmatan kesihatan untuk penduduk luar bandar. Perkhidmatan kesihatan untuk penduduk luar bandar disediakan melalui kemudahan kesihatan tetap, klinik bergerak, klinik tambahan, klinik perairan dan perkhidmatan doktor udara ataupun flying doctors, dengan izin, di Sabah dan di Sarawak. Berasaskan kepada penilaian keperluan, perancangan adalah dibuat untuk membina

kemudahan-kemudahan yang baru dan menaikkan taraf kemudahan kesihatan luar bandar mengikut jadual. Dari bulan Januari 1985 sehingga Disember 1990, sebanyak 48 Pusat Kesihatan yang baru telahpun dibina, 17 Pusat Kesihatan Kecil dinaikkan taraf menjadi Pusat Kesihatan Besar dan 76 Klinik Bidan dinaikkan taraf kepada Klinik Desa. Jumlah bilangan Pusat Kesihatan di Semenanjung Malaysia telahpun bertambah dari 363 dalam tahun 1985 kepada 397 dalam tahun 1989 dan bilangan Klinik Bergerak ataupun Klinik Desa telah bertambah dari 1,629 kepada 1,655 dalam tahun yang sama.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam, peningkatan taraf mutu perkhidmatan yang disediakan akan dilaksanakan. Buat masa ini kesemua Pusat Kesihatan Besar dan Pusat Kesihatan Kecil yang terpilih telah disediakan dengan beberapa orang doktor. Berasaskan kepada keperluan, kebanyakan Pusat Kesihatan Kecil juga akan disediakan dengan beberapa orang doktor. Penyediaan kemudahan X-ray dan mesin ECG dan kenaikan taraf perkhidmatan makmal di Pusat-pusat Kesihatan akan dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Ini membolehkan orang ramai mendapat kebanyakan daripada perkhidmatan yang disediakan di hospital daerah kecuali rawatan kepakaran dan rawatan pesakit di wad. Ini boleh didapati dengan mudah oleh masyarakat jika keperluan timbul melalui rujukan kepada hospital daerah mengikut sistem rujukan yang tetap. Setiap daerah di Malaysia mempunyai sebuah hospital daerah, iaitu sebanyak 79 buah hospital daerah ada di seluruh negara pada masa ini.

Di Sabah dan Sarawak, beberapa buah kemudahan kesihatan mempunyai katil bersalin dan katil rawatan dan ini adalah perlu

kerana beberapa kawasan adalah terletak di pendalaman iaitu jauh daripada kemudahan-kemudahan kesihatan dan kawasan ini juga menghadapi masalah pengangkutan dan perhubungan.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat meminta supaya ditambahkan pegawai-pegawai perubatan dan paramedik di pusat-pusat kesihatan untuk mengelakkan kesesakan di hospital-hospital daerah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kakitangan di Kementerian Kesihatan termasuk pegawai-pegawai perubatan dan separa perubatan sentiasa meningkat dari tahun ke setahun. Pertambahan kakitangan ini adalah selaras dengan pembesaran dan pertambahan hospital-hospital dan klinik-klinik pada tahun-tahun berkenaan bagi memenuhi keperluan rakyat di negara ini khususnya penduduk yang tinggal di luar bandar.

Bagaimanapun, dalam beberapa tahun ini Kementerian Kesihatan menghadapi masalah bagi mendapatkan calon-calon yang berkelayakan dan sesuai untuk dilantik ke dalam Perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Separa Perubatan khususnya bagi Perkhidmatan Pegawai Perubatan Pakar dan Jururawat. Usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi mengatasi masalah ini secara jangka panjang iaitu melalui program-program latihan, manakala secara jangka pendek pula menguruskan pengambilan Pegawai Perubatan Pakar dan Jururawat Terlatih secara kontrak. Jika usaha-usaha ini mencapai kejayaan maka masalah kekurangan pegawai perubatan dan paramedik akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang masalah pekerja di estet dan merayu supaya tindakan segera diambil untuk melesenkan hospital-hospital tersebut supaya mutu rawatan dapat ditingkatkan di hospital-hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perlesenan hospital-hospital estet, dimaklumkan bahawa sebahagian besar daripada hospital-hospital tersebut menghadapi masalah memenuhi keperluan Akta, khususnya dari segi bilangan kakitangan yang mencukupi bagi katil-katil yang disediakan.

Dengan ini hospital-hospital tersebut telah memohon untuk mengurangkan katil supaya lebih sesuai dengan kadar penggunaan yang sebenarnya. Selain dari itu terdapat juga hospital-hospital estet yang memohon untuk menutup perkhidmatan disebabkan kadar penggunaan amat rendah, struktur fizikalnya yang terlalu usang, serta kedudukannya yang berdekatan dengan hospital-hospital Kerajaan ataupun pusat-pusat kesihatan yang mempunyai kelengkapan yang lebih baik.

Permohonan di atas masih di dalam perbincangan di antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber Manusia kerana ia memerlukan kajian yang lebih teliti termasuk alternatif yang perlu disediakan sekiranya ia diluluskan.

Ahli Yang Berhormat Datuk Tiong Hiew King mencadangkan supaya ditingkatkan latihan mengenai doktor dan jururawat di semua hospital terutama Hospital Law King Howe. Kementerian Kesihatan diminta berbincang dengan Kementerian Pendidikan dari segi pengambilan pelajar-pelajar untuk tujuan-tujuan menambahkan bilangan doktor dan jururawat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa membincang dengan agensi-agensi yang berkenaan, termasuk Kementerian Pendidikan dalam usahanya untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dalam perkhidmatan kesihatan.

Untuk tujuan menampung keperluan doktor-doktor, Kerajaan telahpun dan sedang mengambil tindakan untuk menambah pengambilan pelajar-pelajar jurusan perubatan di universiti-universiti tempatan kepada 10% hingga 20%. Di samping itu, Kerajaan akan meneruskan pembiayaan pelajar-pelajar di universiti-universiti di luar negeri terutama di negara asing.

Kementerian Kesihatan telah, sedang dan akan meneruskan usaha untuk mempertingkatkan lagi latihan jururawat. Mulai 1990 ini, Kementerian telahpun menambah pengambilan pelatih-pelatih dalam sekolah-sekolah latihan yang sedia ada. Di samping itu, Kementerian Kesihatan merancang membina beberapa buah Sekolah Latihan Jururawat yang baru dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, boleh ringkaskan sedikit?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada jawapan yang agak panjang, oleh sebab semua Ahli Yang Berhormat telah bercakap, saya perlu meneruskan jawapan saya ini mengikut yang telah dijadualkan.

Ahli Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang telahpun membangkitkan beberapa perkara, di antaranya ialah tentang pembelian alat-alat seperti alat-alat bagi penyakit buah pinggang dan jantung. Beliau meminta supaya diutamakan pembelian alat-alat ini dan membeli alat-alat yang baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa peka dan berusaha untuk memenuhi keperluan pesakit-pesakitnya. Terdapat beberapa perkhidmatan disediakan untuk pesakit-pesakit buah pinggang dan pesakit-pesakit jantung yang semakin bertambah. Walau

bagaimanapun, oleh kerana peruntukan dan kakitangan amat terhad dan tambahan pula terdapat masalah kesihatan lain yang perlu diberi perhatian di samping penyakit buah pinggang dan jantung, maka tidak semua pesakit-pesakit tersebut menerima rawatan yang diperlukan.

Rawatan untuk penyakit buah pinggang seperti "chronic renal failure," dengan izin,. melibatkan perbelanjaan yang tinggi dan berterusan dan setakat ini belum ada negara yang mampu menyediakan rawatan dialysis secara "universal" kepada semua pesakit yang mengidap periyakit tersebut. Bagi pesakit-pesakit jantung, dengan adanya Institut Jantung Negara nanti yang dijangka beroperasi dalam tahun 1992, serta dengan konsep "decentralisation" perkhidmatan pakar, adalah diharapkan lebih ramai pesakit-pesakit dapat menjalani pemeriksaan dan seterusnya menerima rawatan dalam jangka masa yang singkat. Dengan ini pesakit tidak perlu lagi mendapatkan rawatan yang diperlukan di tempat lain.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa galakan perlu diberikan kepada doktor-doktor untuk kekal berkhidman dengan Kerajaan dengan menaikkan gaji dan pangkat mereka,

Tuan Yang di-Pertua, mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Perubatan, Pegawai Perubatan Tingkatan-biasa yang telahpun disahkan dalam jawatan yang berkhidmat selama lima tahun boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat secara automatik ke Pegawai Perubatan Tingkatan-kanan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan. Bagi Pegawai Perubatan Tingkatan-biasa yang memiliki kelayakan pakar dalam disiplin tertentu yang diiktiraf oleh Kerajaan, tempoh perkhidmatan kenaikan pangkat ke Tingkatan-kanan boleh dikurangkan dari lima tahun kepada tiga tahun.

Pegawai Perubatan Tingkatan-kanan pula boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan pangkat ke Tingkatan tertinggi "G" setelah berkhidmat selama dua tahun dalam Tingkatan-kanan dan mencapai tahap prestasi yang ditetapkan serta terdapat kekosongan jawatan. Kenaikan pangkat ke tingkatan yang lebih tinggi selepas Tingkatan-tertinggi "G" tidak mensyaratkan bilangan tahun perkhidmatan, sebaliknya bergantung kepada prestasi mereka dan terdapat kekosongan jawatan.

Berasaskan kepada penjelasan tadi, ternyata seseorang Pegawai Perubatan boleh dinaikkan pangkat ke Tingkatan-tertinggi "F" setelah berkhidmat selama di antara lima hingga tujuh tahun. Bagaimanapun, kenaikan pangkat itu adalah bergantung kepada kesesuaian pegawai dari segi prestasi dan juga terdapat kekosongan jawatan.

Adalah tidak benar bahawa pegawai-pegawai dalam perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti PTD dan PTA yang hanya berkhidmat selama lima tahun telahpun dinaikkan pangkat ke Tingkatan-tertinggi "F" Tempoh perkhidmatan untuk layak dinaikkan pangkat bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan "A" seperti Pegawai Perubatan, PTD dan PTA adalah sama iaitu ke Tingkatan-kanan setelah berkhidmat selama lima tahun dan ke Tingkatan-tertinggi setelah berkhidmat selama dua tahun dalam Tingkatan-kanan. Dalam Perkhidmatan PTD pula, lazimnya seseorang pegawai itu hanya diberi peluang ditimbangkan untuk kenaikan pangkat ke Tingkatan-tertinggi "F" setelah mereka berkhidmat sekurang-kurangnya 18 tahun, itu pun hanya memangku jawatan tanpa jaminan untuk dinaikkan pangkat. Berbanding dengan Pegawai Perubatan tempoh perkhidmatan mereka untuk dinaikkan pangkat ke Tingkatan-tertinggi F adalah lebih singkat lagi.

Bagi mengatasi masalah kekurangan peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan Pegawai Perubatan, khususnya, Pegawai Perubatan Pakar, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 583 jawatan kenaikan pangkat sehingga ke tahun 1998 dengan purata 58 jawatan tambahan setahun. Manakala bagi perkhidmatan bukan pakar pula, Kerajaan telahpun bersetuju untuk mengkaji semula gred-gred jawatan yang sedia ada dan sebahagian besar daripadanya telahpun dinaikkan taraf ke Tingkatan-tertinggi "G".

Umpamanya, dalam tahun 1990, sebanyak 110 jawatan Tingkatan-tertinggi "G" telahpun diwujudkan sama ada melalui penarafan semula jawatan yang sedia ada atau mewujudkan jawatan-jawatan baru.

Langkah-langkah ini adalah merupakan peringkat awal dalam memperbaiki peluang kenaikan pangkat Pegawai Perubatan. Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa akan mengkaji kedudukan peluang-peluang kenaikan pangkat bagi Pegawai-pegawai Perubatan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan lain di Kementerian Kesihatan. Dengan cara ini diharapkan masalah peluang kenaikan pangkat Pegawai-pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat pada masa akan datang.

Keistimewaan-keistimewaan yang terdapat dalam perkhidmatan Pegawai Perubatan yang tidak terdapat dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang lain ialah mereka yang memiliki kelayakan pakar ataupun ijazah lanjutan yang bersesuaian dibayar elaun pakar klinikal sebagai tambahan kepada gaji dan elaun mereka.

Tuan Adam bin Kadir: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Lebih kurang 5 atau 6 muka lagi.

Tuan Adam bin Kadir: Oh, panjangnya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kadar elaun ini.....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, saya rasa kalau detail sangat, cuba pendekkan sedikit.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya akan.....

Tuan Adam bin Kadir: Tentang syarat-syarat perkhidmatan itu, saya ingat kita pendekkan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya akan pendekkan. Yang ini saya sudah pendekkan 3 mukasurat.

Tuan Adam bin Kadir: Baguslah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Kadar elaun itu sebulan ialah untuk Tingkatan Biasa - \$1,200; tingkatan Kanan - \$1,300; Tingkatan-tertinggi "G" - \$1,500; Tingkatan-tertinggi "F" - \$1,700; Tingkatan-tertinggi "E" -. \$1,900; Tingkatan-tertinggi "D" - \$2,200 dan Tingkatan-tertinggi "C" dan ke atas - \$2,400. Mengenai dengan peluang-peluang lain, Kementerian Kesihatan sentiasa memberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah ingin mengetahui berapa peratus rakyat Malaysia yang masih mengidap penyakit malaria dan apakah kempen-kempen menjaga kebersihan sekitar kawasan rumah dijalankan dan di kawasan manakah kelambu ubat ini diberi?

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana list saya ini agak panjang, maka bolehlah saya memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puan Ida Dumpangal yang telahpun menyentuh tentang kualiti perkhidmatan kesihatan di Sabah. Walaupun semenjak penubuhan Malaysia terdapat peningkatan yang agak besar dari segi kemajuan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di Sabah, namun Sabah masih memerlukan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diakui bahawa taraf kesihatan bagi penduduk negeri Sabah telahpun meningkat semenjak tahun 1960. Kadar jangka hayat kelahiran bagi tahun 1970 ialah 61.00 dan ini telah meningkat kepada 65.1 dalam tahun 1975, 66.7 pada tahun 1980 dan

73.00 dalam tahun 1985, yang menunjukkan peningkatan secara keseluruhan terhadap status kesihatan penduduk.. Mengikut perangkaan terpenting tahun 1989, kadar kematian bayi yang kurang dari satu tahun dan kematian kanak-kanak dari 1 tahun hingga 4 tahun ialah 17.6 dan 1.6. Dalam tahun 1960, kadar kematian bayi ialah 64,0 dan menurun kepada 33.2 dalam tahun 1970.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya saya tidak menyentuh mana-mana teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat yang telahpun membangkitkan hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan, saya ingin meminta maaf, tetapi semua teguran-teguran ini telahpun dicatatkan dan akan diberi perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, tentang jawapan ini, saya harap jawapan-jawapan itu dibuat secara 'precise' sedikit kerana memandangkan kesuntukan waktu yang ada pada kita. Kita kurangkan frill, dengan izin, dan kita pergi kepada konsep-konsep ataupun fakta yang besar-besar sahaja. Jadi, sekarang saya dengan hormatnya menjemput Timbalan Menteri Pertahanan menjawab. Sila.

4.58 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tentang Kementerian Pertahanan dalam perbahasan Belanjawan 1991.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin telah menyentuh dua perkara iaitu mengenai masalah pencerobohan udara, darat dan laut dari negara jiran yang tidak dapat dikesan oleh peralatan

moden; dan kedua menyentuh tentang rancangan perumahan untuk anggota tentera agar dapat disegerakan.

Mengenai dengan pencerobohan ruang udara laut dan darat, Kementerian Pertahanan telah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan sebaik mungkin dalam usaha menjaga keselamatan negara sama ada daripada ancaman luar ataupun dalam negara. Dalam usaha mengesan pencerobohan dari luar, selain daripada menggunakan peralatan moden seperti radar, kita juga menggunakan orang ramai ataupun penduduk yang dianggap sebahagian daripada sistem pengesanan ini.

Jika pencerobohan menggunakan kapal terbang, maka kita akan menggunakan peralatan moden seperti yang saya sebutkan dan begitu juga bagi kapal laut ianya dapat dikesan dengan menggunakan radar. Tetapi jika pencerobohan dengan menggunakan bot-bot kecil dan kenderaan kecil yang tidak dapat dikesan oleh radar, maka dalam keadaan seperti ini Kementerian berharap supaya orang ramai dapat bekerjasama dengan memberikan laporan dan maklumat kepada pihak berkuasa Kerajaan. Kementerian sedang mengambil tindakan yang bersesuaian untuk mengatasi perkara ini seperti menambah dan mendapatkan peralatan moden yang bersesuaian.

Mengenai pembinaan rumah angkatan tentera, suka dimaklumkan bahawa keperluan rumah berkeluarga- bagi seluruh anggota ATM ialah sebanyak 71,265 buah, dan yang telah dibina hingga akhir Rancangan Malaysia Kelima ialah sebanyak 36,655 buah.

Masih dalam pembinaan ialah sebanyak 8,462 buah dan kita masih kekurangan sebanyak 26,148 buah. Daripada perangkaan di atas, jelas bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil berat untuk mengatasi masalah perumahan di kalangan anggota ATM. Walau bagaimanapun, kelewatan kita ataupun matlamat tidak dapat dicapai seperti yang telah ditetapkan adalah kerana masalah kekurangan peruntukan. Kita berharap Kerajaan akan dapat menambahkan peruntukan pada Kementerian supaya perumahan ATM ini akan dapat dibina dengan seberapa segera yang mungkin.

Yang Berhormat Senator Mustafa Awang rnenyentuh soal peralatan bulldozer yang berumur 30 tahun masih lagi dipakai oleh pihak Tentera dalam menjalankan projek pembangunan khususnya projek pembinaan rumah nelayan di Pulau Redang, Terengganu. Dalam hal ini, saya tidak menafikan adanya jentera-jentera yang telah berumur 30 tahun masih lagi digunakan tetapi ianya telah diselenggarakan dengan sempurna dan boleh digunakan dengan memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak ATM telah berjaya menyiapkan projek seperti yang dinyatakan tadi walaupun pihak lain gagal menyiapkannya sebelum daripada ini. Ahli Yang Berhormat juga menyentuh soal kekerapan berlaku kemalangan kapalterbang dan helikopter TUDM sejak akhir-akhir ini. Mengenai kemalangan pesawat di dalam mana-mana organisasi tidak kira pesawat itu jenis baru atau lama seperti TUDM ianya tidak dapat dihapuskan ataupun dielakkan sama sekali. Ini adalah kerana tugas dan penerbangan oleh juruterbang dan pesawat adalah mencabar. Di antara sebab-sebab berlakunya kemalangan ialah berpunca daripada kerosakan jentera, kesilapan juruterbang, cuaca buruk dan bahaya alam sekitar seperti kemasukan burung dalam enjin pesawat dan sebagainya. Apabila punca

sesuatu kemalangan pesawat dikenalpasti, pihak TUDM akan mengambil tindakan yang sewajarnya supaya kejadian seperti itu tidak berulang lagi. Dalam jangka panjang, kita mempunyai satu program keselamatan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dari semua anggota TUDM dan memastikan setiap anggota faham akan tugas dan tanggungjawab dari segi pengendalian pesawat-pesawat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh menyentuh mengenai program Tentera Masuk Desa dan berharap Projek Rakyat Termiskin akan dapat dilaksanakan oleh Angkatan Tentera melalui program ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bahawa- Program Tentera Masuk Desa sebelum ini dikenali sebagai Projek Jiwa Murni telah dilancarkan pada 16 September 1990 oleh Panglima Angkatan Tentera dan usaha-usaha sedang dibuat bersama Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti projek-projek yang sesuai bagi dilaksanakan oleh Angkatan Tentera. Buat masa ini, tidak ada sebarang masalah yang timbul dalam pelaksanaan program ini.

Yang Berhormat Senator Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd, Ghazali bin Dato' Mohd. Seth meminta Kerajaan mempercepatkan rancangan untuk menubuhkan pasukan Simpanan Tentera Darat yang akan menjadi pasukan pelapis sekiranya apa-apa ancaman atau kecemasan berlaku. Sebenarnya Pasukan Simpanan seperti yang dimaksudkan itu telahpun diwujudkan, cuma pada masa ini pihak Kementerian dalam proses penyusunan semua tanggungjawab dan peranannya dengan lebih keras, teratur supaya ianya bersesuaian dengan objektif pasukan pelapis kedua.

Ahli Yang Berhormat juga bersama Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah binti Che Mat meminta supaya Kerajaan menimbang kenaikan

gaji Angkatan Tentera bersesuaian dengan bidang tugasnya, Kementerian Pertahanan sentiasa mcngkaji perkara ini dari masa ke semasa untuk menentukan sama ada kadar gaji anggota tentera yang diperolehi sekarang memenuhi kehendak semasa ataupun tidak. Di samping itu juga, anggota tentera sentiasa menikmati kenaikan gaji dan elaun setiap kali gaji dan elaun Perkhidmatan Awam dinaikkan, walaupun anggota tentera telah menerima pelbagai insentif dalam perkhidmatan mereka.

Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah juga meminta supaya diadakan satu post-mortem dibuat dalam usaha untuk mengelakkan anggota tentera tidak hadir tanpa cuti. Sejak 5 tahun kebelakangan ini, seramai 3,810 orang yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana anggota tentera Angkatan Tentera sama ada di dalam waktu perang atau tidak, masalah anggota tentera tidak hadir tanpa cuti tetap berlaku. Pada asasnya masalah ini boleh disandarkan kepada masalah sosial atau masalah manusia biasa yang berkaitan dengan suasana ketenteraan. Kementerian sedang mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian untuk mengatas masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang membina kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Adam bin Kadir: Saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan.

5.07 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan

mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1991, beberapa perkara disentuh mengenai Kementerian Penerangan dan saya bagi pihak Menteri Penerangan suka membuat jawapan kepada beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Menjawab soalan yang pertama iaitu soalan dari Ahli Yang Berhormat Puan Ainon .binti Ariffin dan Tuan Abdul Rashid bin Ismail mengenai penapisan filem, Kementerian ini memang sentiasa berhati-hati terhadap babak-babak lucu di televisyen, baik filem mahupun iklan dan sentiasa mengawasinya. Filem-filem yang ditayangkan di RTM telahpun ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapisan Pilem di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Anggota-anggota Lembaga ini adalah yang berpengalaman dan terdiri dari pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang telah bersara, umur minima ahli-ahli Jawatankuasa Penapis adalah 55 tahun. Di antara lain, LPF bermatlamat untuk membantu Kerajaan mewujudkan sebuah masyarakat yang bersepadu melalui pembangunan mental. Perkara ini, Kementerian juga sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai.

Baru-baru ini, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Penerangan, kerana kepekaannya terhadap permasalahan dan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, telah mengadakan mesyuarat bersama di antara pihak RTM, Televisyen 3 dan LPF untuk mengetatkan lagi kawalan dan memperbanyakkan lagi siaran-siaran yang bercorak keluarga dan yang membina akhlak rakyat.

Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin juga menyentuh per-tunjukkan P. Ramlee dengan latar belakang penari-penari moden yang beliau berpendapat tidak sesuai.

Tuan Yang di-pertua, seniman P. Ramlee adalah seorang seniman

agung yang dengan izin, versatile, universal dan ahead of his time. Filem-filem yang diilhamkan oleh beliau bertemakan universal dan jika diperhatikan lagu-lagunya pun tidak menonjolkan sepenuhnya nilai-nilai dan seni budaya asal lagu negara ini. Saya suka menyatakan bahawasanya lagu-lagu beliau banyak juga yang bercorakkan ala Arab, ala kecinaan, ala Hindustan dan ada juga ala muzik tempo moden, twist dan a-go-go dan saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, jika beliau masih hidup, tidak mustahil beliau sendiri melakukan apa yang telah dilakukan oleh RTM.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penggunaan bahasa baku yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang, amalan itu sudahpun dilaksanakan melalui Radio 2 dan FM Stereo khususnya di dalam ucapan senikata lagu dan nyanyian juga dalam mengucapkan istilah-istilah yang sering diucapkan oleh orang ramai dalam bahasa baku. RTM akan terus menggunakan bahasa baku secara berperingkat supaya ianya tidak menjadi janggal kepada pendengaran orang ramai dan pemahaman mereka tidak terjejas memandangkan masih ramai rakyat Malaysia menggunakan sebutan yang lazim seperti juga di Kementerian Kehakiman di mana penggunaan Bahasa Malaysia dilaksanakan secara berperingkat.

Dalam hal penggunaan bahasa, Kementerian Penerangan mengutamakan penyampaian mesej kepada rakyat, membawa Kerajaan kepada rakyat dan untuk membuat sedemikian perlulah menggunakan sebutan yang lazim digunakan oleh orang ramai. Seumpamanya, Tuan Yang di-Pertua, di Britain bukannya the Queen's English yang digunakah di televisyen sama ada di BBC atau ITN, tetapi untuk memastikan komunikasi yang jelas dan tepat dengan rakyat, loghat-loghat tempatan seperti scouch, iaitu loghat orang utara London atau Liverpool juga digunakan.

Mengenai liputan Perang Teluk yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Azumu Tak, BERNAMA dan RTM tidak menghantar Pemberitanya atas beberapa sebab. Kalau liputan hendak dibuat ia harus meliputi kedua-dua pihak, iaitu Iraq dan Arab Saudi ataupun Kuwait untuk berlaku adil. Sebagaimana maklum keadaan kini tidak mengizinkan pengantaran wartawan ke Iraq walaupun BERNAMA ada menerima undangan dari pihak berkuasa Arab Saudi BERNAMA tidak menerima undangan tersebut kerana liputan wartawan akan terhad sekali dan pergerakannya ditentukan pula oleh pihak pemerintah Tentera Bersekutu.

Dalam keadaan sekarang cuma wartawan-wartawan Amerika Syarikat dan Britain sahaja yang dibenarkan membuat liputan secara, dengan izin, full coverage. Keselamatan dan kos liputan juga menjadi masalah. Sebuah stesen televisyen Barat menanggung kos tidak kurang daripada SCJS35 juta dalam tiga minggu yang pertama, di mana ianya membuat liputan. Nainun demikian, buat masa kini BERNAMA dan RTM memetik berita dari .agensi-agensi berita lain Barat dan bukan

Barat seperti IRNA (Agensi Berita Nasional Iran) dan INA (Agensi Berita Nasional Iraq), CNN, ITN, BBC, Asia Vision dan lain-lain, seperti juga kebanyakan negara-negara lain mengamalkan.

Mengenai harta BERNAMA, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Azuini Tak yang mengambil berat di atas hal ini dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pengurusan BERNAMA telah mengambil perhatian terhadap teguran Ketua Audit Negara dan langkah-langkah untuk mengatasi telahpun diambil. Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi mengenalpasti dan menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas semua hartanya. Satu tatacara pembelian harta juga telah disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengelola bagi kemaskinikan sebutharga atau tender dipanggil bagi setiap pembelian.

Adalah juga dimaklumkan bahawa pembelian harta tetap sebanyak \$704,000 yang disebutkan dalam Laporan Ketua Audit Negara itu bukanlah pembelian secara langsung atau sekali gus, ia cuma merupakan pembelian secara pajakan yang dibuat secara berperingkat-peringkat.

Pengurusan BERNAMA mengambil perhatian yang serius terhadap si berhutang perdagangan yang telah merumuskan langkah-langkah pengawalan kredit yang lebih ketat dan rapi. Kekurangan modal kerja yang dialami oleh BERNAMA berpunca daripada pertambahan kos kakitangan yang kian meningkat dan pengurangan peruntukan tahunan Kerajaan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melihat agensi-agensinya berdikari secara kewangan yang dilaksanakan sejak 1985 lagi. BERNAMA telah menyambut cabaran ini dengan mempelbagaikan kegiatannya dalam bidang-bidang informasi bukan media. Setakat ini

agensi itu telah berjaya mengurangkan defisitnya dan tahun lalu BERNAMA mencatatkan kejayaan bagi kali pertamanya di luar dugaan dengan mengurangkan defisitnya kepada hanya 3200,000 kalau dibandingkan dengan \$4 juta yang dihadapinya pada tahun 1987.

Berhubung dengan siaran Berita Mandarin dan kelewatan menayangkan Filem Tamil oleh TV3 yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong dan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan, adalah dimaklumkan bahawa TV3 merupakan sebuah badan siaran swasta dan terpulanglah kepada stesen tersebut untuk menentukan rancangan-rancangan dan jadual siarannya sendiri. Kementerian ini hanya boleh menasihatkannya dari segi isi kandungan siaran sesuai dengan Akta Penyiaran 1988.

Ahli Yang Berhormat dari Terengganu berpendapat bahawa logo RTM tidak menarik tetapi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka menyatakan bahawasanya judge not a book by its Cover. Logo RTM ada erti yang tertentu dan sesuai sebagai media elektronik Kerajaan kerana setiap caritan atau warna mempunyai pengertiannya sendiri. Buat masa ini Kementerian Penerangan tidak bercadang mencipta logo yang baru.

Mengenai kerosakan TV1 dan TV2 RTM pada 13.2.1991, ianya berlaku disebabkan oleh sambaran petir yang kuat yang menyambar Pusat Kawalan. Kuasa Elektrik yang terletak di Kompleks Angkasapuri. Kerosakan pertama berlaku pada 7.15 malam dan yang kedua pada 7.45 malam dan ini menyebabkan keseluruhan Pusat Kawalan Kuasa Elektrik rosak dengan serta-merta dan ini sekali gus menyangkal dakwaan bahawasanya kemungkinan ada sabotaj terhadap

Angkasapuri pada hari yang saya maksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gaji dan ganjaran Pegawai Luar dan Operator Wayang Gambar yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah, Kementerian Penerangan sentiasa mengambil berat dan mengkaji skim-skim bagi kepentingan semua kakitangan. Kedua-dua skim ini sedang dikaji secara keseluruhan dan Kementerian akan meneruskan dengan cadangan untuk menukarkannya kepada skim jawatan yang lebih sesuai dengan tugas-tugas sekarang dan masa hadapan.

Akhir sekali mengenai penubuhan TV4. Buat masa kini Kerajaan tidak ada cadangan untuk mewujudkan satu lagi rangkaian televisyen baik yang dikendalikan oleh Kerajaan sendiri mahupun oleh pihak swasta. Ini ialah kerana kemudahan-kemudahan televisyen yang sedia ada dirasakan mencukupi untuk menenuhi selera penonton dan keperluan negara, tambahan pula dengan mengadakan tiga rangkaian pengiklanan pun telah, dengan izin, saturated. Walau bagaimanapun, sekiranya satu lagi saluran TV diperlukan di masa-masa akan datang, bukan semestinya syarikat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat akan dapat kerana permohonannya adalah banyak sekali.

Saya juga ingin memaklunkan bahawa Kerajaan tidak sekali-kali akan mewujudkan rangkaian-rangkaian televisyen yang khas menurut kaum seperti dicadangkan, kerana ia bertentangan dengan usaha-usaha integrasi kaum dan perpaduan nasional. Buat masa ini negara kita sedang menuju ke arah perpaduan dan integrasi nasional dan RTM berhasrat mengarabil bahagian positif dalam mencapai cita-cita murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya bagi pihak Yang Berhormat Dato' Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, yang telah mengambil bahagian membantu prestasi cemerlang Kementerian dengan teguran-teguran Ahli Yang Berhormat.

Saya suka menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri sentiasa menyambut baik pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan kiranya perlu Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah menghubungi pihak Menteri dari masa ke semasa tidak hanya di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Sila.

5.18 ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pendapat serta teguran-teguran yang membina terhadap isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perbahasan mengenai Belanjawan 1991.

Berhubung masalah tenaga mahir yang di dalam industri pelancongan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon, adalah dimaklumkan bahawa. Kementerian memang sedar tentang masalah ini, Bagi menggalakkan pihak swasta pelancongan hendaklah. meningkatkan kemahiran-kemahiran tertentu kepada pekerja-pekerja mereka Kerajaan telah memberi insentif iaitu

berupa potongan dua kali atas perbelanjaan latihan bagi pengusaha-pengusaha yang memberi latihan kepada pekerja-pekerja. Di samping itu ingin saya memaklumkan bahawa satu kajian mengenai keperluan sumber tenaga manusia dalam industri pelancongan sehingga tahun 2000 sedang dirancang untuk dijalankan. Kajian ini diharapkan akan dapat membantu Kementerian di dalam menentukan keperluan tenaga manusia di masa akan datang selaras dengan pembangunan sektor ini keseluruhannya.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin telah membangkitkan mengenai kadar sewa bilik hotel yang tinggi yang dinaikkan sesuka hati oleh pemilik-pemilik hotel.

Sukalah saya memaklumkan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak berkuasa untuk mengawal kadar sewa hotel kerana negara kita mengamalkan ekonomi terbuka. Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian dari masa ke semasa memang mengadakan perbincangan dengan pemilik-pemilik dan pengusaha-pengusaha hotel agar mereka tidak menaikkan kadar sewa bilik hotel dengan sewenang-wenangnya, kerana ini akan merugikan mereka dari jangka masa panjang.

Perlu dijelaskan bahawa pada keseluruhannya kadar sewa bilik hotel telah naik sebanyak 30% di Bandaraya Kuala Lumpur, sebagai contoh dalam masa setahun ke belakangan **ini**. Namun begitu, mengikut satu kajian yang telah dijalankan oleh Business International United Kingdom, Kuala Lumpur masih merupakan Bandaraya yang paling murah di antara 10 bandaraya utama di Asia Pasifik untuk dilawati dari segi kos bilik hotel, makanan, pengangkutan dan persiaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesan krisis.Teluk terhadap industri pelancongan negara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rashid Ismail, perlu saya jelaskan di sini bahawa Malaysia merupakan destinasi pelancongan yang selamat pada ketika ini. Oleh itu sektor swasta tidak perlu berasa kluatir ataupun panik tentang kesan krisis Teluk kepada industri pelancongan negara. Dari segi jangka masa pendek, memang terdapat beberapa pembatalan dalam tempahan bilik-bilik hotel dan penerbangan jarak jauh atau long haul, dengan izin, seperti Eropah dan Amerika Syarikat. Ini tidak sahaja berlaku di negara kita tetapi di negara-negara jiran adalah lebih teruk lagi jika dibandingkan dengan negara kita.

Sebagai makluman kepada Dewan yang mulia **ini**, inginlah saya menyatakan bahawa dari segi kadar penginapan hotel dan juga kedatangan pelancong-pelancong, ianya masih lagi melebihi daripada matlamat yang kita hasratkan ketika kita melancarkan Tahun Melawat Malaysia 1990. Sebagai langkah awal, Kementerian dan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah mengarahkan pejabat-pejabat di luar negeri untuk memberi keyakinan kepada pengusaha pelancongan dan para pelancong mengenai kestabilan dan keselamatan keadaan semasa di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian senantiasa mengkaji segala perkembangan yang berlaku akibat dari krisis Teluk. dan ini termasuklah kajian-kajian dari segi sekiranya terdapat kejatuhan dalam kadar pengunjung serta implikasi kepada suasana-suasana tersebut dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah bin Haji Mohd. Salleh telah membangkitkan isu mengenai lagu-lagu dan tarian-tarian kebudayaan yang diwarisi, yang digubah dan dicipta semula telah hilang ciri-ciri keaslian dan keunikannya seperti pakaian carian tanggung ialah baju kebaya labuh, tetapi jika ianya dipakai baju Kedah, sudah tentu akan hilang keasliannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Kementerian memang sedar kadangkala terdapat kelainan dalam sesuatu persembahan kesenian yang dipersembahkan oleh sesuatu kumpulan tertentu. Kelainan ini sama ada pada pakaian atau bentuk persembahan yang diubahsuai atau dichoreographkan, Kementerian berpendapat kelainan ini ialah kerana citarasa dan kreativiti yang di luar kawalan Kementerian sendiri. Walau bagaimanapun, Kementerian akan berusaha dari masa ke semasa supaya keaslian dan keunikan kebudayaan yang diwarisi itu dapat dikekalkan melalui perbincangan-perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid Abdullah untuk mengadakan pesta budaya yang bertujuan mendedahkan segala bentuk kesenian rakyat kepada rakyat tempatan dan pelancong asing, pihak Kementerian sememangnya sedar dan telahpun mengadakan berbagai program seperti Minggu Kesenian Malaysia sempena Malaysia Fest, Manifestasi Bangsawan, Pekan Teater, ASEAN Folklore Festival dan Kejuaraan Silat Terbuka-Malaysia.

Mengenai saranan Yang Berhormat Senator Jeneral Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth supaya Kerajaan mewujudkan Muzium Pasukan Keselamatan, adalah dimaklumkan bahawa buat masa ini.

Kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan Muzium tersebut. Ini kerana telahpun ada Muzium Angkatan Tentera dan juga Muzium Kolej Di Raja Malaysia yang ditadbirkan oleh agensi-agensi berkenaan pada masa ini. Untuk makluman. Yang Berhormat juga, Kementerian pada masa ini sedang membantu pihak Muzium Angkatan Tentera bagi mengenalpasti tapak baru Muzium tersebut yang lebih sesuai bagi memudahkan orang ramai melawat Muzium berkenaan di masa yang akan datang.

Yang Berhormat Senator Isli Haji Siput telah membangkitkan keperluan mewujudkan sebuah pejabat cawangan Kementerian ini bagi maksud menggalakkan industri pelancongan di Wilayah Persekutuan Labuan. Maka sukalah saya di Dewan yang mulia ini menyatakan bahawa syor tersebut akan diambil perhatian.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian sedang dalam proses penyusunan semula struktur organisasi di peringkat Pusat, Negeri dan Wilayah. Maka syor Yang Berhormat ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin memberi jaminan iaitu Kementerian akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh bagi memastikan Industri Pelancongan Negara kita terus berkembang maju dengan lebih pesat lagi. Kami berterima kasih di atas perangsang, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak swasta sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah menyebabkan industri pelancongan telah menampakkan hasil yang lumayan. Sukalah saya menyeru dan menggesa semua pihak dalam negara ini terus memberikan kerjasama dan sokongan untuk memajukan lagi industri pelancongan di negara kita ini. Terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Saya menjemput Timbalan Menteri Sumber Manusia.

5.27 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Hahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan tahun ini serta mengemukakan isu-isu dan cadangan-cadangan yang menyentuh Kementerian Sumber Manusia.

Seterusnya saya ingin memberi penjelasan dan ulasan kepada pandangan dan teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan, Senator P. Balaram, Senator Mustafa Awang dan Senator C. Krishnan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator V. K. Sellappan dalam ucapan perbahasannya telah mencadangkan beberapa langkah untuk mewujudkan pembekalan tenaga pekerja mahir yang mencukupi bagi menarik pelaburan asing ke negara ini. Saya ingin menjelaskan bahawa aktiviti pembangunan tenaga manusia adalah satu-satunya aspek yang diberi perhatian berat oleh Kerajaan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara dalam semua lapangan. Bagi memastikan pengeluaran tenaga mahir yang mencukupi bersesuaian dengan perkembangan sektor pendustrian, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa langkah untuk dilaksanakan seperti berikut:-

- (1) penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Latihan, dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mengawasi dan menyelaraskan perlaksanaan program-program latihan kemahiran;

- (2) menubuhkan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan dengan tujuan antara lain untuk merancang dan menyelaraskan latihan-latihan perindustrian yang dijalankan oleh institusi-institusi latihan sektor awam agar latihan yang dijalankan mencukupi dan sesuai dengan keperluan industri;
- (3) menubuhkan pusat-pusat latihan baru, menambah serta meningkatkan keupayaan institusi-institusi latihan yang sedia ada;
- (4) mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi taraf dan kualiti program latihan dari peringkat asas kepada peringkat pertengahan;
- (5) memperluaskan skop skim galakan potongan cukai dua kali bagi latihan seperti diumumkan dalam strategi Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini; dan
- (6) menggalakkan penubuhan pusat latihan yang khusus dengan penglibatan sektor swasta sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator P. Balaram dan Senator Mustata Awang telah membangkitkan masalah taraf kehidupan yang mundur, masalah tempat kediaman dan tidak memuaskan dengan ketiadaan kemudahan asas di ladang-ladang. Mengenai keadaan perumahan dan kemudahan asas ladang, Kementerian Sumber Manusia sedar kemudahan asas di setengah-setengah ladang adalah kurang memuaskan. Sebagai langkah untuk membaiki keadaan ini Kementerian Sumber Manusia telah menggubal dan mengadakan Akta baru dinamakan Akta Standard-Standard Minimum (Perumahan dan Kemudahan Pekerja) 1990 yang mula dikuatkuasakan pada 1hb Disember, 1990. Akta baru ini mewajibkan majikan-majikan ladang yang menyediakan perumahan bagi pekerja-pekerjanya menyelaraskan rumah-rumah tersebut dengan baik iaitu mengikut piawaian-piawaian di bawah Akta tersebut. Para majikan juga diwajibkan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dari sumber awam, taman asuhan kanak-kanak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tindakan undang-undang *ini* untuk mempertingkatkan mutu kehidupan dan kemudahan asas di sektor ladang, Kementerian Sumber Manusia juga telah merancang untuk mencepatkan pelaksanaan skim pemilikan rumah pekerja di sektor ladang agar lebih ramai pekerja di sektor ini dapat memiliki rumah sendiri di ladang dengan kemudahan-kemudahan yang sempurna. Satu Jawatankuasa Penubuhan Kebangsaan Skim Pemilikan Rumah Pekerja dan Kemudahan Asas di Sektor Ladang dan Lombong telah ditubuhkan bagi tujuan ini. Adalah dijangkakan matlamat utama ini akan dapat dicapai dengan cara pendekatan master planning untuk membaharui rumah-rumah serta membaiki perbekalan air bersih dan elektrik di

peringkat ibupejabat syarikat-syarikat ladang dengan menumpukan lebih perhatian kepada ladang-ladang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator C. Krishnan telah membangkitkan mengenai skitn memiliki rumah pekerja di ladang-ladang dan lombong dengan mencadangkan supaya Kerajaan mengadakan satu undang-undang bagi membolehkan pekerja-pekerja ladang dan lombong memiliki atau membeli rumah dalam kawasan ladang dan lombong.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa skim memiliki rumah pekerja ini adalah satu rancangan sukarela yang digalakkan oleh Kerajaan untuk mendapat perhatian para majikan ladang dan lombong membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerja mereka. Memandangkan hakikat itu maka majikan-majikan ladang tidak akan diwajibkan di bawah undang-undang untuk melaksanakannya. Atas alasan yang sama, Kementerian Sumber Manusia juga tidak bercadang untuk mengambil sebahagian dari tanah-tanah ladang dari tuannya Ladang bagi tujuan pekerja-pekerja mendirikan rumah-rumah mereka sendiri. Walaupun demikian, Kementerian Sumber Manusia berpuas hati dengan pencapaian di bawah skim pemilikan rumah pekerja setakat ini di mana sebanyak 7,432 unit rumah telah siap dibina di ladang-ladang dan lombong, sementara itu sebanyak 1,741 unit rumah lagi sedang di dalam proses pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan di atas, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan dan teguran membina bagi perkara-perkara di bawah Kementerian Sumber Manusia. Lain-lain perkara yang tidak disentuh di sini telah diambil perhatian oleh pegawai-pegawai Kementetian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala teguran, cadangan dan sokongan yang diberikan kepada kegiatan Kementerian saya, khususnya mengenai alam sekitar. Peranan Kementerian ialah untuk mengembangkan bidang sains dan teknologi di negara ini dan dalam pada itu, mengawal keadaan alam sekitar daripada tercemar.

Menyentuh kepada beberapa perkara yang diusulkan terutama mengenai alam sekitar, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa bidangkuasa Kementerian saya adalah terhad kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di bawah lima undang-undang sahaja, iaitu:-

- Akta Perlindungan Hidupan Liar, 1972;
- Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 dan termasuk pindaannya pada tahun 1985;
- Akta Taman Negara 1980;
- Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984; dan
- beberapa peruntukan mengenai alam sekitar dan penyelidikan sains laut di bawah Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1985.

Dalam hal ini, terdapat tidak kurang daripada 18 jenis undang-undang lain yang ada kena-mengena dengan Kawalan pencemaran alam sekitar dan dikuatkuasakan oleh tidak kurang 18 agensi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Abdul Rashid Ismail kerana telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk menyediakan

peruntukan khas bagi meningkatkai aktiviti-aktiviti pemeliharaan alam sekitar. Cadangan ini adalah baik dan akan disusuli oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, juga untuk pertimbangan Kerajaan seterusnya.

Saya juga-mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon yang menyarankan kepada sistem pengangkutan awam....

Tuan Adam bin Kadir: Yang Berhormat, apa perkataan itu, untuk rekod!

Tuan Peter Chin Fah Kui: Apa itu?

Tuan Adam bin Kadir: Dalam ayat tadi ada satu perkataan tak terang.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Menyarankan.

Tuan Adam bin Kadir: Oh, menyarankan!

Tuan Peter Chin Fah Kui: Ya, menyarankan supaya sistem pengangkutan awam negara ini diperbaiki dan diperluaskan lagi. Ini adalah satu daripada langkah yang berkesan, antara lain, untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya dan pencemaran udara, terutama di sekitar kawasan bandar. Kawalan pelepasan asap dari kenderaan-kenderaan bermotor dan kawalan kandungan plumbum dalam petrol sahaja tidak boleh menjamin dengan sepenuhnya kualiti udara kita yang diharapkan.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Tuan Mustafa Awang bahawa fungsi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang agak nya kurang jelas di mata rakyat jelata, ini adalah satu perkara yang sentiasa ditekankan oleh Kementerian supaya rakyat lebih memahami betapa pentingnya semua pihak, terutama orang ramai dan rakyat semua memainkan peranan masing-masing supaya usaha-usaha meningkatkan keupayaan berdikari dalam bidang-bidang saintifik dan

teknologi secara membantu aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita serta alam sekitar kita terjamin dari semua akibat pencemaran dan dalam bencana alam. Dalam pada itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti perhubungan awamnya supaya rakyat lebih memahami dengan lebih dekat lagi fungsi-fungsi pelbagai agensi Kerajaan di bawah Kementerian **ini**. Sebagai contoh, antara' aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian ini yang melibatkan orang awam ialah Minggu Sains dan Teknologi, Hari Alam Sekitar, Hari Terbuka SIRIM, Kuiz Sains, Anugerah Saintis Muda, Anugerah Saintis Kebangsaan dan Hari Kaji Cuaca Sedunia.

Yang Berhormat Senator Jeneral Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Mohd. Salleh telah menyentuh mengenai. . . .

Tuan Adam bin Kadir: Mohd. Seth!

Tuan Peter Chin Fah Kui: Mohd. Seth - ya. Mohd. Salleh disebutkan di sini, minta maaf - Mohd. Seth, mengenai perbelanjaan pendidikan dan pembangunan, sukacita saya maklumkan bahawa dalam usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan, iaitu R&D di negara **ini**, selain daripada memberikan peruntukan yang lebih, Kerajaan juga akan berusaha untuk membangun dan mempertingkatkan infrastruktur penyelidikan merangkumi kemudahan peralatan dan kakitangan.

Di samping itu, langkah-langkah sedang dijalankan bagi mempertingkatkan penyelarasan aktiviti-aktiviti R&D untuk memberi tumpuan di bidang-bidang keutamaan termasuk di bidang teknologi baru supaya peruntukan kewangan yang diberikan dapat memberi pulangan yang sebaiknya. Kerajaan juga sedang mengambil langkah supaya hasil-hasil penyelidikan akan lebih mudah disalurkan kepada industri tempatan.

Kedua, Kerajaan mengharapkan sektor swasta juga akan melibatkan dengan aktif dalam kegiatan R&D untuk meningkatkan mutu keluaran supaya boleh lebih bersaing di pasaran antarabangsa, terutamanya setelah Kerajaan mengadakan berbagai insentif kepada mereka untuk tujuan tersebut.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Majid bin Abdullah pula telah membangkitkan proses pemindahan teknologi tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dengan perkembangan proses perindustrian negara yang amat pesat sejak kebelakangan ini, adalah jelas sekali terdapat, banyak pemindahan teknologi termasuk teknologi tinggi ke negara ini dari negara-negara maju dan negara-negara NIC yang lain. Walau bagaimanapun, adalah agak sukar bagi menentukan sebenarnya beberapa ramai rakyat negara ini yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses tersebut.

Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay telah membangkitkan masalah pencemaran Sungai Melaka yang disebabkan oleh dua buah kilang kepunyaan sebuah Kementerian. Sukacita dimaklumkan bahawa pengawasan terhadap kedua-dua kilang itu telah dan akan terus dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, sekiranya ada apa-apa teguran atau komen yang tidak dapat saya sebutkan di sini, ianya akan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya akan diambil. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am Belanjawan 1991 dan yang telah memberi teguran, cadangan serta sokongan kepada Kementerian saya. Sekian, Cerima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.44 ptg.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas perhatian yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh bidangkuasa Kementerian ini semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1991.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon menyentuh tentang pembangunan sosio-ekonomi di kampung-kampung baru dan berharap dipertingkatkan pembangunan itu supaya ia setaraf dengan kampung-kampung tradisional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil berat kemajuan semua kawasan penempatan. Usaha-usaha meningkatkan pembangunan dan penggalakan aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi kampung akan terus dijalankan termasuk bagi kawasan Kampung Baru, walaupun Kerajaan telah memutuskan istilah 'Baru' dari perkataan Kampung Baru itu digugurkan.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya tempat-tempat rekreasi di seluruh negara diperbanyakkan lagi bagi kegunaan lebih ramai rakyat jelata bertujuan melahirkan rakyat yang sihat, Sukacita dimaklumkan, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memohon peruntukan yang lebih banyak untuk membina lebih banyak lagi taman-taman awam yang baru serta mempertingkatkan kemudahan kepada taman-taman awam yang sedia ada.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon juga telah mencadangkan supaya satu undang-undang dibuat bagi mewajibkan pemaju-pemaju perumahan membina sekolah yang mengandungi tidak kurang daripada 20 bilik darjah untuk satu projek perumahan yang mempunyai lebih 500 unit rumah bagi mengatasi masalah kekurangan bilik darjah. Setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum bercadang untuk mengadakan satu undang-undang khas mengenai keperluan membina sekolah di sesuatu projek perumahan seperti yang dicadangkan. Satu panduan mengenai piawaian perancangan memang telah sedia ada di Kementerian ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Antara lain, piawaian tersebut menyentuh tentang keperluan mengadakan sekolah mengikut jumlah penduduk. Untuk tujuan itu setiap projek perumahan yang mengandungi 7,500 orang perlu disediakan sekolah rendah, manakala bagi projek perumahan yang mengandungi 15,000 hingga 22,500 orang pula perlu disediakan sebuah sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin telah membangkitkan isu projek perumahan terbengkalai dan meminta Kementerian ini menyatakan garis panduan yang ditetapkan bagi memastikan projek terbengkalai tidak berlaku, dan sama ada pemaju

perumahan yang telah disenaraihitamkan boleh aktif semula dengan cara menubuh syarikat yang baru. Sukacita dimaklumkan di sini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang meningkatkan lagi usaha pengawasan dan pengesanan supaya sebarang masalah yang dihadapi oleh pemaju dapat dikesan lebih awal dan usaha mengatasinya dapat diambil sebelum sesuatu projek itu menjadi terbengkalai. Di antara langkah yang diambil ialah memastikan bahawa hanya pemaju yang benar-benar layak sahaja diberi lesen pemaju perumahan.

Menyentuh tentang garis panduan ditetapkan bagi memastikan projek terbengkalai tidak berlaku lagi di masa akan datang, Kementerian ini akan mewartakan Akaun Pemajuan Perumahan di mana setiap pemaju dikehendaki membuka akaun supaya wang yang dibayar oleh pembeli hanya akan dapat digunakan bagi maksud projek perumahan itu sahaja.

Mengenai kedudukan pemajuan perumahan yang telah disenaraihitamkan, suka saya memberi jaminan bahawa sesebuah syarikat atau pengarahnya tidak akan dipertimbangkan lagi lesen perumahan yang baru kecuali masalah-masalah yang menyebabkan ianya disenaraihitamkan itu telah dapat diatasi dan Kementerian berpuashati bahawa prestasi syarikat atau pengarah berkenaan menjadi memuaskan.

Yang Berhormat Tuan Balaram telah membangkitkan masalah kelewatan pemaju perumahan mendapatkan kelulusan hingga memakan masa 6 atau 7 bulan disebabkan oleh ketidakcukupan pegawai. Perancang Bandar dan Desa untuk meneliti dan memeriksa tempat projek yang dipohon. Perkara ini merugikan pihak pemaju berkenaan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyedari masalah sebahagian daripada Penguasa Tempatan yang tiada mempunyai pegawai teknikal dan iktisas atau kekurangan pegawai tersebut terutama sekali di dalam bidang perancang bandar dan desa. Ini adalah salah satu sebab kelewatan di dalam memproses permohonan bagi projek perumahan sepertimana yang telah dibangkitkan. Walau bagaimanapun, kelewatan di antara 6 hingga 7 bulan adalah satu kejadian yang agak terasing bagi sesuatu kes tertentu di sesuatu pihak Penguasa Tempatan.

Pada lazimnya masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan adalah di antara satu hingga tiga bulan jika pemaju atau pemohon mengamukakan pelan yang disediakan oleh orang yang berkeelayakan dengan lengkap dan teratur .

Berhubung dengan perlantikan Ahli Majlis di Majlis-Majlis Perbandaran yang dibangkitkan oleh Senator Balaram, Kerajaan-kerajaan Negeri menanglah mengambil kira kriteria-kriteria yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat semasa membuat perlantikan Ahli-ahli Majlis. Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah menggariskan dengan jelas bahawa Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik daripada orang-orang yang biasanya bermastautin di kawasan berkenaan dan mempunyai pengalaman luas dalam hal-ehwal Kerajaan Tempatan. Mereka juga terdiri daripada individu-individu yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum mereka dalam kawasan berkenaan.

Mengenai sistem kuota dalam perumahan dan soal pemaju perumahan yang enggan membina rumah kos rendah kerana masalah kerugian, saya memaklunkan bahawa penepatan kuota ,oleh Kerajaan-kerajaan Negeri bagi pembinaan rumah kos rendah adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru bertujuan menjamin pemilikan rumah oleh bumiputera dan bukan bermaksud untuk merugikan pemaju. Dalam menenuhi keperluan

kuota pembinaan rumah kos rendah ini Kerajaan Negeri membenarkan pemaju melaksanakan pembangunan campuran dengan tujuan mengamalkan cross subsidy, dengan izin, terhadap pembinaan rumah-rumah berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan menetapkan kuota adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu sebarang kelonggaran atau kajian semula mengenai keperluan kuota ini adalah bergantung kepada Kerajaan Negeri berkenaan.

Berhubung dengan projek perumahan terbengkalai, Kementerian ini telah mula mengenal pasti projek perumahan terbengkalai mulai tahun 1983. Di antara tahun 1983 hingga 1990 sebanyak 381 projek perumahan terbengkalai telah dikenalpasti melibatkan sebanyak 83,036 unit rumah. Dalam tempoh yang sama sebanyak 104 projek perumahan telah berjaya dipulihkan. Kerajaan memang memberi perhatian berat ke atas masalah projek perumahan terbengkalai. Bagi membantu mengatasi masalah ini Kerajaan telah menubuhkan dua buah tabung iaitu Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung -Pemulihan, Projek Perumahan Terbengkalai. Di bawah Tabung Pemulihan Usahawan, Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak \$500,000 juta untuk membantu pengusaha-pengusaha bumiputera di dalam berbagai sektor termasuk bidang perumahan. Setakat Januari 1991 pinjaman sebanyak \$213.4 juta telah diluluskan kepada sebanyak 43 buah syarikat pemaju bumiputera yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai.

Di bawah Tabung Pemulihan Projek Perumahan Terbengkalai sejumlah \$180 juta pinjaman daripada sebanyak \$300 juta yang diperuntukkan telah diluluskan kepada sebanyak 53 buah syarikat pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang, Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Termpatan tidak seharusnya memainkan peranan di dalam pertikaian di antara pemaju dengan pembeli rumah kerana ianya melibatkan satu perjanjian jual-beli di antara dua pihak iaitu pemaju dan pembeli. Tetapi oleh kerana masalah projek perumahan terbengkalai ini telah menjadi masalah sosial dan ekonomi maka Kementerian ini merasai perlu membantu supaya masalah ini dapat diselesaikan. Dengan hal yang demikian Kementerian setakat ini telah memainkan peranan sebagai "mediator" atau "facilitator" ataupun "orang tengah" iaitu bagi menemukan semua pihak yang terlibat.

Kementerian ini juga sedang mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk meminda beberapa peruntukan di dalain Akta Pemaju Perumahan 1966 dan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan 1989 bagi membolehkan usaha-usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai berjalan dengan lancar. Ini termasuklah mewujudkan satu peraturan bagi mewajibkan setiap pemaju perumahan membuka akaun kemajuan perumahan bagi setiap projek perumahan yang akan dilaksanakan. Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap sen wang yang dibayar oleh pembeli akan hanya dapat digunakan bagi maksud projek itu sahaja.

Di samping itu juga Kerajaan Persekutuan dengan persetujuan Kerajaan-kerajaan Negeri telah menubuhkan jawatankuasa penyelarasan projek perumahan terbengkalai pada peringkat negeri selain daripada menjadi urusetia aktiviti agensi-agensi Kerajaan dalam usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai. Jawatankuasa penyelarasan tersebut merupakan satu forum di mana pemaju perumahan dan pembeli boleh menyuarkan masalah mereka yang ada kaitan dengan agensi-agensi Kerajaan untuk mencari penyelesaian dalam masalah perlaksanaan

projek-projek perumahan di negeri masing-masing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat walaupun buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengambilalih projek-projek perumahan yang terbengkalai tetapi cadangan bernas dari Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian serius oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Berhubung dengan masalah penempatan Balai-balai Bomba yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Mustata Awang, Kementerian ini memang sedar akan masalah ini dan langkah-langkah ke arah disentralisasi kedudukan balai-balai di bandar-bandar besar sedang dikaji untuk membolehkan kereta Bomba keluar dari beberapa buah balai secara serentak semasa kecemasan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya setiap pekan baru disediakan Balai-balai Bomba, sukacita dimaklumkan Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah ini secara berperingkat mengikut keutamaan iaitu berdasarkan kepada risiko memandangkan peruntukan yang ada agak terhad.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tindakan Pegawai Perancang Bandar dan Desa yang kononnya mewartakan tanah bumiputera di kawasan bandar, perkara yang dibangkitkan itu merupakan urusan dan bidang kuasa pihak berkuasa negeri berkenaan. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bertanggungjawab di dalam merancang dan meluluskan permohonan pembangunan di peringkat negeri.

Jabatan Perancang Bandar dan Desa tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan sebarang permohonan pernbangunan. Jabatan berkenaan hanya bertanggungjawab memberi ulasan dan pandangan terhadap sesuatu

permohonan pembangunan di sesuatu kawasan yang tertentu. Oleh itu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut disyorkan dirujuk di peringkat Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rogayah Che Mat supaya Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menjalankan programnya untuk menyusun semula bandar dan desa dengan lebih berkesan lagi, ingin saya memaklumkan bahawa Jabatan ini tidak bertanggungjawab secara langsung di dalam menyediakan pelan-pelan pembangunan untuk menyusun semula bandar dan desa bagi satu-satu negeri. Perkara ini seperti yang telah saya jelaskan tadi adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa pihak Kerajaan Negeri berkenaan. Walau bagaimanapun Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia boleh membantu sesebuah Kerajaan Negeri dalam menyediakan pelan pembangunan jika Kerajaan Negeri berkenaan mempunyai program dan telah mendapat peruntukan kewangan bagi membuat kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Salbiah binti Mohd. Akim telah menyentuh isu pajak gadai dan masalah barang yang digadai dilelong tanpa terlebih dahulu dimaklumkan kepada pemajak. Beliau juga mencadangkan supaya sistem pajak gadai secara Islam dikaji dan dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyedari masalah yang dibangkitkan. Sekiranya kedai pajak-gadai telah melanggar peraturan dalam undang-undang, tindakan boleh diambil terhadap mereka. Merinyu Pajak Gadai telah dilantik di peringkat negeri oleh Menteri Perumahan. Kalau Yang Berhormat Senator dapat membekalkan butir-butir mengenai kes yang tertentu, Kementerian boleh rnengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan mengkaji kemungkinan diadakan institusi yang memberi pinjaman di atas sekuriti sandaran cara Islam. Memandangkan perkara ini menyentuh agama Islam dan agama Islam adalah di bawah bidang kuasa Negeri, maka ia perlu dirujuk kepada Kerajaan-kerajaan Negeri sebelum sesuatu keputusan dibuat.

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**)

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan dan saranan berkaitan dengan bidang kuasa

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian ini akan mengambil perhatian terhadap segala teguran, pandangan dan saranan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan berharap ia akan dapat membantu mempertingkatkan lagi prestasi Kementerian ini. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Kementerian Belia dan Sukan untuk menjawab.

6.04 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Cik Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya rnengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang positif mengenai peranan Kementerian Belia dan Sukan. Segala pandangan dan teguran yang baik akan diberi perhatian yang sewajarnya demi kepentingan pembangunan program belia dan sukan di negara ini .

Yang Berhormat Senator Aionon binti Ariffin telah menyentuh beberapa perkara seperti peruntukan \$40 juta, masalah pengangguran, tumpuan kepada program yang berfaedah, masalah kuturayau dan program untuk bekas penagih dadah. Bagi menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Aionon Ariffin, suka saya menyatakan bahawa melalui peruntukan \$40 juta yang diperolehi itu, Kementerian Belia dan Sukan merancang untuk mewujudkan 6 buah institut kemahiran dan keusahawanan belia negara bagi menambah lagi peluang-peluang latihan kemahiran vokasyenal kepada golongan belia. Di samping itu, institut-institut yang sedia ada akan dipertingkatkan dari segi kemudahan-kemudahan peralatan, tenaga pengajar dan

tarat latihan bagi menjamin mutu latihan sejajar dengan keperluan pembangunan perindustrian negara yang begitu pesat membangun. Bagi mencapai cita-cita ini, Kementerian telah merancang untuk melaksanakan 10 Program Induk Belia Negara (PIBN) iaitu:

Malaysia Cergas;
Malaysia Cemerlang;
Malaysia Patriotik;
Malaysia Harmoni;
Malaysia Mahir;
Malaysia Mulia;
Malaysia Indah;
Malaysia Sejagat;
Malaysia Prihatin; dan
Malaysia Berbudaya.

Bagi mengatasi masalah belia yang berkeliaran di kompleks-kompleks membeli-belah, Kementerian Belia dan Sukan akan mewujudkan beberapa pusat penerangan belia di bandar-bandar bagi tujuan menyampaikan maklumat-maklumat aktiviti Kementerian dan juga akan memberi khidmat kaunseling kepada belia-belia yang menghadapi masalah. Di samping itu, program-program belia bandar akan diperbanyakkan lagi.

Berhubung dengan belia bekas penagih dadah pula, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang sedia ada di bawah Kementerian ini.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Mustafa

Awang, supaya Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan belia yang mempunyai nilai ekonomi, sukacita saya menjelaskan bahawa dalam mewujudkan golongan belia ke arah berdikari, Kementerian Belia dan Sukan telah menggunakan pendekatan bersepadu iaitu menyediakan kemudahan dari segi latihan kemahiran vokasyenal, latihan motivasi dan pembentukan sikap dan disiplin keusahawanan, kursus pengurusan perniagaan dan pertanian dan memberi kemudahan pinjaman modal melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia serta memberi khidmat bimbingan dan susulan projek. Melalui pendekatan ini, Kementerian telah dapat melahirkan usahawan-usahawan dan petani-petani moden yang berdedikasi dan berjaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1988 hingga 1991, Kementerian Belia dan Sukan telah diberi peruntukan sebanyak 518 juta kepada Tabung tersebut. Dalam tempoh pelaksanaan Tabung ini iaitu daripada bulan Mei, 1988 sehingga Disember 1990, sebanyak 413 projek telah diluluskan yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$5,210,055. Sehingga ini didapati semua projek berjalan dengan lancar.

Dari segi kepegawaian di peringkat Kementerian dan Negeri, kita mempunyai Pegawai Khas untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan ekonomi belia. Di peringkat Kementerian pula, kita mempunyai seorang Pegawai Pertanian yang dipinjamkan daripada Kementerian Pertanian untuk menjadi Penasihat Teknikal dalam bidang pertanian. Di peringkat Negeri dan Daerah, kita sentiasa mendapat kerjasama yang erat daripada Jabatan Pertanian dan Jabatan Haiwan dalam memberi khidmat teknikal kepada projek-projek pertanian dan ternakan.

Bagi menjawab soalan daripada yang Berhormat Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh mengenai menggalakkan persatuan-persatuan belia merancang dan melaksanakan program-programnya sendiri, memanglah menjadi dasar Kementerian Belia dan Sukan supaya persatuan-persatuan belia yang ada di negara ini bersikap berdikari di dalam mentadbir dan melaksanakan program-programnya .

Berhubung dengan peranan Pegawai Khas Wanita di Kementerian Belia dan Sukan, tugasnya ialah menyelaras, merancang dan melaksanakan program belia wanita. Di antara program-program yang diberi keutamaan adalah dalam bidang kemahiran vokasyenal dan ekonomi dan kepimpinan.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Azumu Tak dari Perak untuk memberi sumbangan kewangan kepada sekolah-sekolah, bukanlah menjadi dasar Kementerian Belia dan Sukan kerana sekolah-sekolah mempunyai peruntukannya sendiri dan di bawah Kementerian Pendidikan melalui Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia. Sungguhpun begitu, Kementerian Belia dan Sukan adalah mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dari segi pembangunan dan aktiviti sukan di sekolah-sekolah. Di antara program-program sukan sekolah yang sedang berjalan ialah program perkhidmatan latihan sukan, program bakat, program tunas cemerlang dan program biasiswa sukan. Semua persatuan-persatuan sukan di negara ini adalah tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966 dan sehingga kini tidak ada masalah dan berjalan dengan baik. Dengan itu tidak perlu diadakan satu undang-undang yang baru.

Semua persatuan-persatuan yang berdaftar mempunyai perlembagaan yang menentukan disiplin dan tata tertib ahli-ahli. Dalam hal ini, terpulang kepada persatuan dan jawatankuasa yang berkaitan untuk mengambil tindakan terhadap ahli-ahli yang melanggar disiplin.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh dari Terengganu yang menyatakan projek Belia Berniaga anjuran Kementerian Belia dan Sukan gagal mencapai ke arah matlamatnya, di sini saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rancangan Projek Belia Berniaga merupakan satu rancangan yang viable dan telah terbukti kejayaannya melahirkan usahawan-usahawan di kalangan belia. Rancangan ini merupakan satu latihan kepada belia-belia yang ingin memulakan perniagaan. Kumpulan dan sasaran utama ialah belia-belia yang berkelulusan rendah tetapi berminat untuk memulakan perniagaan sendiri dan melalui rancangan ini kita dapati belia-belia hari ini telah berani menukar haluan pilihan kejayaannya ke dunia perniagaan.

Mengikut kajian yang telah dibuat oleh Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1981, didapati 55.1% merupakan projek-projek yang telah mencapai ke tahap kemajuan yang sungguh membanggakan dan menganggap pendekatan bersepadu yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan merupakan satu pendekatan yang baik dalam menerap dan memperkembangkan satu budaya niaga di kalangan masyarakat belia. Sehubungan dengan kejayaan ini, banyak negara-negara di rantau Asia dan negara-negara Komanwel telah menempatkan pegawai-pegawainya di Kementerian Belia dan Sukan untuk mengkaji pelaksanaan model program keusahawanan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Malahan, negara

Malaysia telah dipilih sebagai tempat mesyuarat dan persidangan untuk menerajui kepimpinan dalam bidang keusahawanan belia di rantau ini.

Walaupun kejayaan telah dicapai tetapi Kementerian sentiasa membuat kajian semula di atas kelemahan-kelemahan yang ada dan cuba mempertingkatkan lagi prestasi pelaksanaan program yang lebih berkesan. Sehubungan dengan ini Kementerian telah menubuhkan satu Tabung Kumpulanwang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia bertujuan untuk memberi pinjaman kepada belia-belia yang berminat untuk memulakan perniagaan sendiri.

Yang Berhormat Puan Hajah Habidah binti Jusoh juga ada menyentuh berkaitan menyediakan pusat-pusat sukan. Memang menjadi dasar dan strategi Kementerian Belia dan Sukan menyedia dan mempertingkatkan kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara. Di antara kemudahan-kemudahan yang telah disediakan ialah stadium-stadium negeri, gelanggang-gelanggang budaya, kompleks sukan dan padang-padang permainan untuk kegunaan masyarakat setempat.

Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara adalah berperanan untuk memberi perhatian kepada sukan-sukan berprestasi tinggi yang mana boleh membawa imej negara kita di peringkat pengiktirafan antarabangsa. Antara sukan-sukan tersebut ialah bola sepak yang lebih berbentuk fizikal dan badminton yang lebih berbentuk kemahiran. Kedua-dua sukan tersebut bukan sahaja merupakan sukan yang berprestasi tinggi, tetapi ianya juga ialah merupakan sukan popular di peringkat negara kita di Malaysia. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara selama ini tidak pernah membezakan perhatiannya di antara kedua-dua sukan

tersebut, tetapi sebaliknya telah diwujudkan berbagai-bagai rancangan dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan terbabit untuk meningkatkan lagi prestasi pemain-pemain bola sepak negara mahupun pemain-pemain badminton. .

Kita tidak boleh membezakan perhatian kita terhadap kedua-dua sukan ini kerna imej sukan negara banyak bergantung kepada kedua-dua sukan seperti Pesta Bola Merdeka yang pernah menonjolkan pemain-pemain berkelibar sehingga mengharumkan nama negara di peringkat Asia. Badminton pula dengan kegemilangan pemain-pemain negara melalui kejohanan-kejohanan prestige seperti Piala Thomas, Kejohanan All England dan sebagainya telah diletakkan Malaysia sebagai negara yang utama bukan sahaja kerana getah mahupun bijih timah, malah merangkumi juga badminton.

Maka itu, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara haruslah, malah akan memberikan perhatian yang lebih kepada kedua-dua sukan tersebut dan juga beberapa sukan lain seperti hoki dan renang yang mana boleh membawa imej negara di kejohanan-kejohanan besar seperti Olimpik dan sebagainya kerana perkara pokok ialah tidak ada sukan yang melibatkan fizikal atau kemahiran sahaja dan sebaliknya semua sukan memerlukan gabungan faktor fizikal dan faktor kemahiran untuk mencapai prestasi yang cemerlang.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Saya yakin teguran-teguran ini akan dapat membantu Kementerian ini mempertingkatkan lagi peranannya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Akhir sekali saya menjemput Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawabnya.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1991 khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

Saya juga mengucapkan terima kasih ke atas pandangan yang tinggi dan ucapan tahniah yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas peningkatan ekonomi negara kita masa kini.

Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Ismail telah menyentuh mengenai pencemaran di kalangan sawah padi di Ulu Melaka serta eaman peranginan di Lubok Sembilan akibat kerja pembangunan di Gunung Raya Pulau Langkawi, Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pembangunan Langkawi telah mengambil tindakan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Hutang, Jabatan Parit dan Saliran, Jabatan Pertanian dan pemaju projek berkenaan mengenai hakisan tanah di Gunung Raya. Pihak-pihak terlibat sedang dan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mencegah hakisan dan lain-lain masalah pencemaran yang berlaku. Pampasan akibat daripada yang disebabkan oleh hakisan juga sedang dipertimbangkan untuk diberi kepada petani-petani yang terlibat.

Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan telah mencadangkan supaya satu peruntukan khas diadakan daripada keuntungan yang diperolehi daripada peningkatan harga petroleum untuk mengatasi masalah kemiskinan. Saya ingin menegaskan di sini iaitu usaha kerajaan untuk membantu serta meninggikan taraf hidup rakyat miskin di negara kita ini merupakan satu komitmen yang paling utama dan berterusan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Sejak Rancangan Malaysia Pertama sehinggalah Rancangan Malaysia Kelima, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi pembangunan sektor-sektor dan juga program-program untuk membasmi kemiskinan serta meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar selaras dengan salah satu objektif Dasar Ekonomi Baru kita iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Memandangkan usaha-usaha untuk mengatasi kemiskinan adalah satu usaha berterusan, Kerajaan tidak perlu mengadakan satu peruntukan khas untuk maksud tersebut.

Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang ingin mengetahui mengapa perbelanjaan mengurus melebihi perbelanjaan pembangunan. Sememangnya perkara ini berlaku setiap tahun dan ini tidak dapat dielakkan. Saya ingin memaklumkan bahawa perbelanjaan mengurus akan terus meningkat apabila projek-projek pembangunan telah siap kerana projek-projek berkenaan perlu diselenggarakan ,dan dilengkapi dengan peralatan dan kakitangan yang diperlukan untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat seperti projek-projek pembangunan dalam bidang kesihatan, pendidikan, keselamatan dan sebagainya.

Saya sukalah menjelaskan di sini iaitu sungguhpun peruntukan perbelanjaan mengurus adalah besar, tetapi sebahagian daripada peruntukan ini adalah untuk membiayai program-program pembangunan seperti pemberian subsidi harga padi, projek-projek kecil luar bandar, bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah, pemberian kepada

Kerajaan-kerajaan Negeri bagi melaksanakan lain-lain projek kecil dan penyelenggaraan jalan-jalan luar bandar.

Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon telah mencadangkan supaya pelepasan cukai ke atas perbelanjaan sebenar umpamanya di atas pembelian alat khas keperluan kanak-kanak tersebut. Seperti yang telah dimaklumkan baru-baru ini, pelepasan cukai untuk kanak-kanak cacat telah dinaikkan daripada \$400 hingga \$1,000 seorang mulai Tahun Taksiran 1991. Pelepasan ini merupakan sumbangan Kerajaan dalam usaha memupuk masyarakat penyayang dan membantu ibu bapa dan penjaga agar dapat memberi perhatian yang lebih kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Walau bagaimanapun, cadangan daripada Yang Berhormat untuk memberi pelepasan cukai ke atas pembelian sebenar alat khas yang diperlukan oleh kanak-kanak cacat ini akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon juga telah mencadangkan supaya khidmat Pusat Maklumat Pelaburan Komputer diadakan bagi memberi maklumat mengenai galakan cukai dan peluang pelaburan di luar negara merupakan cadangan yang baik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kerajaan telahpun mengumumkan insentif-insentif yang sesuai untuk menggalakkan pelabur-pelabur tempatan melabur di luar negeri. Untuk usaha ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Kewangan sedang merangka garis panduan kepada syarikat-syarikat untuk menikmati insentif-insentif tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Aion binti

Ariffin telah menyarankan supaya Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja meropertingkatkan kegiatan-kegiatan mencegah penyeludupan bagi membantu mengurangkan masalah dadah. Berhubung dengan perkara ini Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mencegah penyeludupan dadah tetapi ianya juga dipertanggungjawabkan untuk mengawal dan mencegah aktiviti-aktiviti penyeludupan secara menyeluruh ke atas semua barangan-barangan bercukai termasuk dadah berbahaya. Walau bagaimanapun, memandangkan kegiatan penyeludupan dadah semakin meningkat, maka pihak Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telah mengambil tindakan-tindakan tertentu dalam usaha untuk membanteras penyeludupan barangan ini seperti berikut:-

- (1) memberi latihan - kemahiran ataupun kecekapan dalam pambanteras penyeludupan dadah kepada pegawai-pegawai jabatan;
- (2) mengadakan kempen di peringkat daerah dan negeri untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pambanteras penyeludupan termasuk dadah;
- (3) bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan terhadap dadah sama ada di dalam ataupun di luar negeri;
- (4) meningkatkan keupayaan tenaga pegawai di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti sebagai tempat ataupun laluan penyeludupan dadah; dan
- (5) melaksanakan operasi-operasi dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja akan menambah ataupun meningkatkan jumlah kakitangan

ataupun logistiknya bagi menandingi keupayaan kelengkapan ataupun alat-alat yang canggih yang digunakan oleh penyeludup-penyeludupnya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Yang Berhormat, berapa lama lagi berucap?

Dato' Loke Yuen Yow: Panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali sesuai pada masa ini untuk mengemukakan satu Usul untuk melanjutkan tempoh mesyuarat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.25 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-
cadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1991 telah dibacakan kali yang ketiga.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1991 telah dibacakan kali yang ketiga.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 1991 telah dibacakan kali yang ketiga.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Sila sambung.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kerjasama orang ramai dalam memberi maklumat berhubung dengan penyeludupan juga menyumbang ke arah keberkesanan dan kejayaan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dalam usaha membanteras kemasukan dadah berbahaya ke dalam negara dan juga mencegah kegunaan Malaysia sebagai negara dan kawasan perantaraan perdagangan haram dadah antara negara Asia Pacific dan negara-negara barat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan telah mencadangkan supaya sektor swasta diberi insentif untuk melabur dalam bidang latihan teknikal dan tenaga Malaysia. Seperti yang dimaklumkan di Dewan yang mulia ini semasa pembentangan Belanjawan 1991 dahulu, kajian semula yang dibuat terhadap Skim Galakan yang sedia ada atas potongan dua kali bagi latihan adalah merupakan langkah untuk menggalakkan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan guna-tenaga. Syarikat-syarikat di sektor perkilangan, pembinaan dan pelancongan dipertimbangkan untuk galakan ini sekiranya program-program latihan itu adalah untuk kemahiran-kemahiran kerja-tangan, penyeliaan dan teknikal atau, dengan izin, craft supervisory and technical skills, yang akan digunakan secara langsung di dalam proses pengeluaran syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat perkilangan yang sedang beroperasi juga dipertimbangkan untuk potongan dua kali atas perbelanjaan yang dilakukan atas latihan sekiranya syarikat tersebut mengadakan program-program latihan yang berkaitan dengan produktiviti dan meningkatkan kawalan mutu terhadap keluaran siap syarikat itu.

Di samping itu galakan potongan dua kali atas perbelanjaan yang dilakukan atas latihan juga diberikan kelulusan automatik kepada semua syarikat-syarikat di industri perkilangan dan bukan perkilangan sekiranya pekerja-pekerja syarikat tersebut dilatih di institusi yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdul Rashid bin Ismail telah mencadangkan supaya satu rangka tindakan disediakan oleh Kerajaan bagi menghadapi kemungkinan kemerosotan ekonomi akibat daripada kesan Perang Teluk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedang meneliti secara terperinci perkembangan serta kesan Perang Teluk atas ekonomi negara kita ini. Langkah-langkah yang diambil adalah juga memerlukan kerjasama semua pihak termasuk sektor swasta bagi melaksanakan segala tindakan dengan berkesan.

Yang Berhormat Senator P. Balaram, telah menimbulkan kelewatan Jabatan Hasil Dalam Negeri menguruskan sesuatu hal seperti pertanyaan pembayar cukai serta dalam perkara membayar balik lebih bayaran cukai. Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih atas teguran ini. Jabatan Hasil Dalam Negeri menyedari terhadap sebilangan surat yang lewat diambil tindakan. Ini di antara lain disebabkan oleh tiada rujukan dan surat tidak lengkap.

Yang kedua, kandungan surat perlu dipertimbangkan bersama rekod pembayar cukai sebelum memutuskan tindakan yang sesuai.

Yang ketiga, kesibukan kerja yang tidak sama rata sepanjang tahun.

Yang keempat, perkara percukaian sememangnya memakan masa.

Tuan Yang di-Pertua, jabatan sentiasa mementingkan perkhidmatan kepada pembayar cukai dan salah satu daripada program meningkatkan kualiti perkhidmatan jabatan ialah untuk menubuhkan unit penyelesaian masalah bagi mengendalikan rayuan, aduan dan pertanyaan dari pembayar cukai.

Mengenai pembayaran balik, Jabatan menyedari juga tentang sungutan daripada pembayar cukai mengenai pembayaran balik yang lewat. Tindakan berterusan diambil oleh Jabatan untuk memperbaiki procedure pembayaran balik supaya tuntutan pembayaran balik cukai yang terlebih dibayar dapat diselesaikan pada masa yang paling singkat. Pada masa sekarang tuntutan untuk, mendapatkan bayaran lebih daripada cawangan pungutan diselesaikan dalam tempoh yang tidak lebih dari 3 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak telah membangkitkan penglibatan Wang Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP) dalam projek perumahan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat KWSP tidak pernah menceburkan diri dalam sektor pembangunan perumahan. Oleh itu KWSP belum mengeluarkan sebarang perbelanjaan berkaitan dengan projek perumahan. Jumlah sebanyak \$4.4 juta yang telah dimansuhkan seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu merupakan pampasan kemansuhan projek bayaran perundingan, kajian lalulintas dan penyiasatan tanah bagi cadangan projek pusat KWSP di Petaling Jaya. Perbelanjaan yang terlibat adalah ekoran daripada keputusan Kerajaan untuk tidak membenarkan agensi-agensi Kerajaan membina bangunan-bangunan pejabat baru di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1990, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya KWSP meneruskan projek pusat KSWP Petaling Jaya ini memandangkan KWSP mengalami kekurangan ruang pejabat untuk kakitangan di Ibu Pejabatnya. Dalam hubungan ini KWSP telah menggunakan semula perunding-perunding yang terlibat

untuk meneruskan projek ini. Oleh yang demikian, KWSP tidak mengalami kerugian berjumlah \$4.4 juta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan masalah dua penyewa bangunan MAKUWASA yang tidak membayar sewa kepada KWSP yang turut mendapat tumpuan Dato' Azumu bin Tak, adalah dimaklumkan bahawa tunggakan sewa tersebut berlaku pada tahun 1984 dan pada tahun 1985. KWSP telah mengambil tindakan untuk seal, dengan izin kedua-dua lot yang disewa pada 25hb Januari, 1986 dan 4hb Jun 1986 masing-masing, Dalam masa yang sama tindakan Mahkamah telah diambil bermula dari tahun 1985. Perbicaraan telah diadakan dari tahun 1986 sehingga sekarang. Pihak KWSP telah mengambil tindakan menghapus-kira jumlah tunggakan sewa sebanyak \$344,535.00 setelah ditolak jumlah-jumlah yang diperolehi daripada tindakan mahkamah, cagaran sewa dan sebagainya bagi tujuan perakaunan. Bagaimanapun, ini tidaklah bermakna tindakan mahkamah untuk mendapatkan semula jumlah yang terhutang kepada KWSP itu telah diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah binti Mohd. Akim supaya Kerajaan menimbangkan agar pencen terbitan yang dibayar kepada balu-balu yang menerima pencen bulanan sebanyak \$300 ke bawah tidak disusutkan ke atas kadar 30% selepas dua belas setengah tahun. Sukacita dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa cadangan tersebut memerlukan kajian yang terperinci kerana ianya mempunyai implikasi kewangan dan juga implikasi undang-undang. Uneuk melaksanakan cadangan ini beberapa pindaan perlu dibuat kepada

Akta-akta Pencen yang wujud sekarang ini. Cadangan Yang Berhormat Senator ini akan mewujudkan perbezaan antara faedah-faedah pencen kepada kakitangan dalam Perkhidmatan Awam.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan sekarang adalah Kerajaan yang bertanggungjawab, maka setiap tindakan yang membezakan dasar pemberian apa-apa faedah kepada seseorang atau segolongan kakitangan Perkhidmatan Awam dengan seseorang ataupun segolongan kakitangan perkhidmatan yang lain adalah tidak pernah berlaku dan tidak akan dilakukan. Oleh itu, jika cadangan ini hendak dikuatkuasakan maka ia akan diberikan kepada semua pegawai awam juga dan tidak sahaja menghadkan kepada balu-balu pesara Pegawai Perkhidmatan Awam yang menerima pencen bulanan ataupun terbitan sebanyak \$300.00 sebulan. Masalahnya, berapakah wang tambahan yang diperlukan dan mampukah Kerajaan menampung perbelanjaan tambahan ini? Ini hanya dapat ditentukan apabila kajian secara terperinci dibuat dan ianya memerlukan masa yang agak lama. Walau bagaimanapun, cadangan ini diambil perhatian dan kajian akan dilakukan oleh Kerajaan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan Keraenterian Kewangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat ulasan ataupun pandangan yang tidak sempat saya jawab, sukacita saya nyatakan bahawa ulasan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dalam perhatian Kementerian Kewangan, Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan pada hari Selasa, 26hb Februari, 1991 pada pukul 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.38 petang.